

DIRIWAYATKAN oleh Abi Abdullah Jabir bin Abdullah al-Ansari Radiallahuanha, bahawa seseorang bertanya kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, katanya: "Bagaimana pendapatmu jika saya melakukan solat fardu, berpuasa pada bulan Ramadan, menghalalkan yang halal, dan mengharamkan yang haram, serta tidak menambahkan selain itu sedikit pun, adakah saya masuk syurga?" Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menjawab: "Ya!" (Hadis Riwayat Muslim)

MESYUARAT PERSEDIAAN SAMBUTAN JUBLI INTAN KEBAWAH DYMM MENAIKI TAKHTA

YANG Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Intan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mempengerusikan mesyuarat berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 November. - Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi bersama Jawatankuasa Sektor Jawatankuasa Sambutan Jubli Intan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 60 Tahun Menaiki Takhta Tahun 2027, telah diadakan petang tadi di Istana Nurul Iman, di sini.

Mesyuarat dipengerusikan bersama oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin



Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin

Haji Mohd. Yussof dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Intan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat telah membincangkan mengenai persediaan awal oleh setiap Jawatankuasa Sektor yang dibentuk dalam memastikan perancangan dan pelaksanaan program serta aktiviti dapat dilaksanakan dengan teratur dan sempurna.

>> Muka 3

Forum memperkuh hubungan perniagaan NBD, Australia

Siaran Akhbar : Suruhanjaya
Tinggi Australia di Negara Brunei
Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 November. - Suruhanjaya Perdagangan dan Pelaburan Australia (Austrade) bersama Kementerian Kewangan dan Ekonomi menganjurkan Forum dan Majlis Perkongsian Perniagaan di ibu negara, baru-baru ini.

Forum ini mempertemukan pemimpin-pemimpin perniagaan dan kerajaan kanan untuk mengukuhkan hubungan perniagaan antara Australia dengan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai sebahagian daripada Misi Perkongsian Agribisnis Strategik Australia 2025 ke NBD.

Acara tersebut dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, selaku tetamu kehormat.

>> Muka 5

Lelaki sebagai Qawwam: Bertanggungjawab menjamin kesejahteraan keluarga

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 November. - Dalam Islam, konsep Qawwam merujuk kepada peranan lelaki sebagai pemimpin keluarga yang bertanggungjawab, penyanggah, berhemah serta menjaga kesejahteraan keluarganya dengan penuh hikmah.

Kekuatan lelaki sejati, menurut agama

tidak menafikan keperluan untuk mengurus emosi atau mendapatkan bantuan apabila diperlukan. Masyarakat juga perlu lebih memahami realiti kerentanan jiwa yang dialami oleh lelaki di sebalik tekanan dan tuntutan sosial yang tinggi.

>> Muka 3

Pembukaan semula Stesen Minyak TAIB, Cawangan Delima

Oleh : Aimi Sani

DELIMA, Sabtu, 15 November. - TAIB Filling Station Sendirian Berhad (TFSSB) telah mengadakan Majlis Pembukaan Semula Stesen Minyak TAIB Sendirian Berhad, Cawangan Delima, bertempat di tapak stesen berkenaan, hari ini.

Stesen Minyak TAIB, Cawangan Delima, memulakan semula operasi penjualannya

selepas ditutup sejak bulan Ogos 2024 bagi memberi laluan kepada kerja-kerja pengubahsuaian.

Pembukaan semula ini merupakan satu pencapaian penting dalam usaha berterusan TFSSB untuk meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan serta menyediakan kemudahan yang lebih baik kepada para pelanggan.

>> Muka 4



Berita Utama



DOA Kesyukuran sambutan
Jubli Perak penggunaan Masjid
YSHHB

Muka 7



MEMUPUK golongan muda dalam
penjagaan alam sekitar,
pembelajaran digital

Muka 9



HARI Keluarga sempena Jubli
Delima SM Menglait

Muka 19



GULA-gula kristal memukau
pandangan

Muka 20

Penglibatan inklusif perlu dalam menjadikan jalan raya lebih selamat

Bismillahir Rahmanir Rahim.
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, dapatlah kita bersama-sama menyambut Hari Memperingati Mangsa-Mangsa Lalu Lintas Sedunia bagi tahun 2025. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat serta pengikut-pengikut Baginda yang jujur dan taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Hari Memperingati Mangsa-Mangsa Lalu Lintas Sedunia ini adalah satu hari yang penting bagi mengenang mereka yang telah kehilangan nyawa atau terjejas akibat kemalangan lalu lintas. Ia juga memberi kesempatan bagi kita semua merenung kembali tentang tanggungjawab kolektif untuk menjadikan jalan raya di negara ini lebih selamat.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua agensi-agensi kerajaan terutamanya Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya, pihak swasta dan Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs), yang telah giat melaksanakan pelbagai usaha berterusan secara turun padang dengan menangani isu-isu yang dihadapi, dan mengendalikan program-program kesedaran orang ramai. Saya berharap semua yang terlibat akan terus bekerjasama dan berusaha dengan gigih ke arah mempertingkatkan lagi

keselamatan jalan raya di negara ini.

Alhamdulillah, atas komitmen semua, saya difahamkan Negara Brunei Darussalam (NBD) berjaya mengurangkan jumlah kematian lalu lintas sebanyak 50 peratus di sepanjang dekad yang lalu, iaitu di antara tahun 2010 dan tahun 2020. Akan tetapi, sejak tahun kebelakangan ini, saya difahamkan terdapat trend peningkatan jumlah kemalangan dan juga kematian yang sangat membimbangkan dan semestinya, menjadi pendorong untuk bertindak lebih gigih dan pro-aktif dalam menangani keadaan tersebut.

Dalam hal ini, saya ingin memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menekankan kepentingan menggunakan hasil audit dan data bersepadu sebagai asas kukuh dalam merancang tindakan pembaikan jalan raya dan penggubalan dasar, termasuk menetapkan sasaran penarafan keselamatan minimum tiga bintang bagi jalan-jalan utama di seluruh negara.

Baginda turut menekankan perlunya penguatkuasaan undang-undang jalan raya dipertingkatkan melalui pendekatan yang strategik dan berkesan serta penyediaan Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya 2026 hingga 2030 hendaklah melibatkan pelbagai pihak berkepentingan secara inklusif. Petikan titah tersebut menjadi panduan jelas bahawa usaha ke arah keselamatan jalan

raya mesti bersifat menyeluruh, berterusan dan berasaskan data.

Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya adalah satu wadah penting untuk menyelaraskan tindakan bersepadu, bersistematik dan berimpak tinggi untuk mencapai sasaran-sasaran yang telah ditetapkan.

Dalam hubungan ini, saya amat sukacita dan menghargai usaha MKKJR dalam menghasilkan dan melancarkan sebuah buku 'Road Safety Action 2030' pada hari ini.

Pelancaran buku ini juga merupakan salah satu usaha bagi menyahut inisiatif 'The Second Decade of Action for Road Safety 2021 to 2030' yang telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, dengan sasaran untuk mencegah sekurang-kurangnya 50 peratus kematian dan kecederaan akibat kemalangan lalu lintas menjelang tahun 2030. Sasaran ini telah juga diguna pakai oleh negara-negara ahli ASEAN.

Semoga segala niat murni dan berkebakikan untuk menjadikan jalan raya di NBD lebih selamat dan mendapat keberkatan, sentiasa dilindungi Allah Subhanahu Wata'ala daripada sebarang musibah serta dikurniakan taufik dan hidayah untuk mencapai matlamat sifar kematian jalan raya. *Aamiin Ya Rabbal 'Alamin.*

Sekian,
Wabillahi Taufiq Walhidayah,
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-At-Large, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri selaku Penaung Diraja Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) bersabda Sempena Hari Memperingati Mangsa-Mangsa Lalu Lintas Sedunia 2025, pada Khamis, 13 November 2025 berlangsung di Royal Berkshire Hall, Tarindak D' Polo, Jerudong.

WAKTU SEMBAHYANG										
NOVEMBER	HARI	JAMADILAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
17	ISNIN	26	4.37	4.47	6.08	6.32	12.06	3.28	6.02	7.15
18	SELASA	27	4.37	4.47	6.09	6.32	12.06	3.28	6.02	7.15
19	RABU	28	4.38	4.48	6.09	6.33	12.07	3.28	6.02	7.15
20	KHAMIS	29	4.38	4.48	6.09	6.33	12.07	3.29	6.02	7.15
21	JUMAAT	30	4.38	4.48	6.10	6.33	12.07	3.29	6.03	7.16
22	SABTU	1	4.38	4.48	6.10	6.34	12.07	3.29	6.03	7.16
23	AHAD	2	4.38	4.48	6.10	6.34	12.08	3.29	6.03	7.16

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN			
Bandar Seri Begawan			
32 23 °C		32 24 °C	
Pekan Bangar			
30 24 °C		31 24 °C	
Pekan Tutong			
32 23 °C		31 24 °C	
Kuala Belait			
32 24 °C		31 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber: Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 17 NOVEMBER 2025

Tingkatkan bidang pertanian yang berkualiti, berdaya saing

BERAS merupakan salah satu daripada enam komoditi utama yang dikenal pasti oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) untuk mengukuhkan keselamatan makanan Brunei, mengurangkan ketergantungan kepada import, dan membangunkan industri makanan, salah satu daripada lima sektor keutamaan yang disasarkan untuk mempelbagaikan ekonomi negara.

Perkembangan pertanian di negara ini dilihat semakin memberangsangkan apatah lagi sokongan dan bantuan dari pihak kerajaan melalui Jabatan Pertanian, KSSUP serta agensi-agensi yang berkenan dalam meningkatkan lagi produktiviti pertanian terutama sekali penanaman padi di negara ini.

Kerajaan melalui KSSUP berusaha untuk mengeluarkan peningkatan hasil terutama dalam pengeluaran padi. Ini adalah supaya negara kita mampu sara diri terutamanya dalam penanaman padi dan tidak bergantung pada pengeksporan padi dari luar negara dan untuk memastikan keselamatan makanan. Selain itu ia juga sebagai salah satu alternatif untuk mengurangkan ketergantungan kepada minyak dan gas dengan membangunkan sektor pertanian sebagai penyumbang kepada KDNK.

Penglibatan belia dalam mengusahakan sawah dalam menyumbang kepada penghasilan padi dan beras negara boleh dijadikan sebagai pelapis penerus kepada para pengusaha padi pada masa hadapan. Walaupun pekerjaan sebagai petani kurang popular dalam kalangan belia tetapi pekerjaan ini menjanjikan pulangan yang lumayan jika dikerjakan dengan bersungguh-sungguh dan dikembangkan dengan kaedah moden dengan peralatan canggih.

Baru-baru ini, pada 12 November 2025 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat pada Majlis Perasmian Pembukaan Fasiliti yang dinaik taraf bagi Pengisaran Padi Wawasan Miling Company Sendirian Berhad (WMC) yang terletak di kawasan Kemajuan Pertanian Wasan. Baginda juga berkenan meninjau kemudahan yang dinaik taraf di kawasan Pembangunan Pertanian Wasan. Baginda juga berkenan melawat ke fasiliti-fasiliti yang dinaik taraf bermula dari fasiliti pengeringan padi (silo) serta menyaksikan tayangan video mengenai proses pengisaran dan juga pembungkusan beras.

Berkembangnya kemudahan yang terdapat di WMC ini telah menambah tenaga kerja syarikat, mewujudkan pekerjaan baharu untuk rakyat tempatan.

Masa depan pertanian Brunei tidak dinafikan akan berkembang maju dengan pelbagai usaha giat dijalankan oleh Jabatan Pertanian dengan memfokuskan pada pertanian mampan dengan penggunaan teknologi hijau. Begitu juga dengan peningkatan kerjasama sektor swasta bagi memperkukuh rantaian bekalan makanan. Potensi eksport hasil pertanian berkualiti tinggi untuk menambah pendapatan negara membolehkan ekonomi negara akan terus kukuh.

Bidang pertanian di Negara Brunei Darussalam bukan sahaja menyumbang kepada keselamatan makanan, tetapi juga menjadi sebahagian daripada strategi besar negara untuk mencapai ekonomi yang lebih seimbang dan berdaya tahan menjelang Wawasan Brunei 2035.

- Ketua Penyunting (Ri).

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita.brunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Mesyuarat persediaan Sambutan Jubli Intan Kebawah DYMM menaiki takhta



Turut hadir, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri dan ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi (atas dan kanan).

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin



>> Muka 1

Majlis Sambutan Jubli Intan yang bakal diadakan pada tahun 2027 ini akan mengukir satu lagi sejarah gemilang dalam menyerlahkan keunggulan kesultanan Negara Brunei Darussalam, sekali gus

menjadi perhatian dan ristaan mata dunia sebagai simbol keutuhan institusi beraja di negara ini.

Pada masa yang sama, penglibatan seluruh lapisan masyarakat di negara ini mencerminkan rasa kesyukuran dan ketaatsetiaan yang tidak

berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seorang raja yang tersohor sebagai *working monarch*, *caring and visionary leader*.

Turut hadir, Yang Berhormat

Menteri - menteri Kabinet selaku Pengerusi - pengerusi Jawatankuasa Sektorial Sambutan Jubli Intan; Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri selaku Timbalan-timbalan Pengerusi Jawatankuasa Sektorial Sambutan Jubli Intan; ahli-ahli Jawatankuasa

Tertinggi iaitu Pemangku Grand Chamberlain, Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei serta Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap.

LELAKI SEBAGAI QAWWAM: BERTANGGUNGJAWAB MENJAMIN KESEJAHTERAAN KELUARGA



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir menyerikan Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-207 yang bersiaran secara maya dari Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Demikian antara pekara yang ditekankan di dalam tazkirah bertajuk 'Lelaki Sejati dalam Islam: Kekuatan Qawwam dan Realiti Kerentanan Jiwa' yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II,

Bahagian Kaunseling dan Kefahaman Agama, Calon Doktor Falsafah (Psikologi Islam), Jabatan Hal Ehwal Syariah, Awang Muhammad Yussof bin Haji Abdul Majid bagi menyerikan Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-207 dengan kerjasama Pusat

Perubatan Jerudong Park bersempena Bulan Kesedaran Kesihatan Lelaki 2025.

Menurut Awang Muhammad Yussof lagi, meneladani akhlak Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang penuh empati, bersikap terbuka dan sentiasa bermusyawarah, tiga tindakan utama perlu diberi perhatian: pertama, lelaki digalakkan mencari

bantuan ketika mengalami tekanan; kedua, keluarga wajar mewujudkan ruang dialog yang selamat di rumah; dan ketiga, masjid disarankan untuk berfungsi sebagai pusat sokongan komuniti yang mesra terhadap isu kesihatan mental.

Lelaki sejati tambahnya bukanlah lelaki yang tidak pernah lemah, tetapi yang berani memperbaiki kelemahan diri, memohon pertolongan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan mendapatkan sokongan daripada orang di sekelilingnya.

Acara Munajat malam tadi menyaksikan penyertaan daripada para pegawai dan kakitangan Pusat Perubatan Jerudong Park yang bersiaran secara maya dari Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong.

Hadir bagi sama-sama menyerikan lagi Malam Munajat tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut serta, para jemaah dari beberapa buah masjid seluruh negara serta warga kerja KHEU dan juga individu dari kediaman masing-masing.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Ketua Jabatan Perubatan Onkologi dan Unit Paliatif, Pusat Kanser Brunei, Pusat Perubatan

Jerudong Park, Dr. Haji Awang Zulkhairi bin Haji Mohamad diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Eksekutif Pentadbiran Pusat Perubatan Jerudong Park, Awang Mohd. Rusydi bin Haji Morsidi.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Pelajaran, Jabatan Pengajian Islam, Ketua Guru Ugama, Pusat Perubatan Jerudong Park, Awang Haji Ishkandar bin Haji Buntar.

Selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai oleh para pegawai dan kakitangan Pusat Perubatan Jerudong Park. Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan oleh Imam Tingkat III, Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Muhammad Yadiy bin Haji Yussof.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran, serta merafakkan dan mengamankan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar NBD berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan berikut: <http://tiny.cc/munajatkheu>.

PEMBUKAAN SEMULA STESEN MINYAK TAIB, CAWANGAN DELIMA



>> Muka 1

Majlis berkenaan telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof yang juga merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB).

Turut hadir, Ahli-ahli Lembaga

Pengarah TFSSB, Perbadanan TAIB serta anak-anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd., di samping beberapa jemputan khas daripada pelbagai institusi dan pihak-pihak yang berkepentingan.

Pembukaan semula Stesen Minyak TAIB Sdn. Bhd., Cawangan Delima ini mencerminkan komitmen Perbadanan TAIB dalam menyediakan kemudahan yang lebih baik kepada para pelanggan.

Reka bentuk dan fasiliti stesen ini telah dinaik taraf sejajar dengan keperluan semasa serta mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Syarikat Brunei Shell Marketing (BSM), sekali gus memberikan pengalaman baharu melalui perkhidmatan pelanggan yang lebih efisien dan selesa.

Stesen Minyak TAIB Sdn. Bhd., Cawangan Delima turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakan kongsi, pelanggan serta orang



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) semasa hadir menyempurnakan Majlis Pembukaan Semula Stesen Minyak TAIB Sendirian Berhad, Cawangan Delima (atas dan kiri).



STESEN Minyak TAIB Sdn. Bhd., Cawangan Delima mencerminkan komitmen Perbadanan TAIB dalam menyediakan kemudahan yang lebih baik kepada para pelanggan.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hasif Matzin

awam atas sokongan yang ini, ia akan dapat terus memberikan berterusan, dan berharap agar perkhidmatan terbaik kepada dengan pembukaan semula stesen masyarakat.

COSMO komited lahirkan graduan berkualiti, berdaya saing

JERUDONG, Sabtu, 15 November. - Kolej Perdagangan dan Teknologi Cosmopolitan (COSMO) hari ini mengadakan Majlis Konvokesyen Ke-19 bertempat di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei bagi meraikan seramai 478 graduan yang berjaya menamatkan pengajian masing-masing dalam bidang Teknologi Maklumat, Perniagaan dan Media Kreatif.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para graduan ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Terdahulu, dalam ucapan alu-aluannya, Pengerusi Eksekutif COSMO, Dr. Haji Aziz bin Haji Abdul Latip menjelaskan bahawa tema konvokesyen tahun ini iaitu 'Innovative Generation, Employable Nation' menggambarkan komitmen COSMO dalam melahirkan graduan berkualiti, berdaya saing dan bersedia memasuki alam pekerjaan.

Pada majlis tersebut, Sijil City and Guilds Tahap 3 dalam Kesihatan dan Keselamatan Pekerja (OHS) turut dilancarkan sebagai penawaran baharu yang dirangka khusus bagi memenuhi permintaan industri terhadap tenaga kerja keselamatan bertauliah.

Kelayakan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa ini akan memperkasakan pelajar dengan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para graduan (atas kiri dan atas kanan).

pengetahuan asas dan kemahiran praktikal dalam penilaian risiko tempat kerja, pelaksanaan protokol keselamatan serta memastikan pematuan kepada rangka kerja kawal selia yang ditetapkan oleh Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA).

Kursus tersebut turut diiktiraf oleh SHENA dan diakreditasi oleh Majlis Akreditasi Nasional Brunei Darussalam (BDNAC), Kementerian Pendidikan. Dr. Haji Abdul Aziz turut menekankan bahawa penguasaan kemahiran insaniah seperti komunikasi, kepimpinan, pemikiran kritis dan sikap proaktif adalah sama penting dengan pencapaian akademik.

Sehubungan itu, COSMO

memberi penekanan kepada pembelajaran melalui aktiviti 'extracurricular' (ECA) dan aktiviti kokurikulum (CCA) bagi memperkukuhkan kompetensi pelajar secara menyeluruh.

Dalam perkembangan lain, rakan pembelajaran COSMO turut diberi peluang mengetuai tugas modul serta menganjurkan pelbagai acara seperti COSMO Wonderday, COSMO Spark dan InnovateIT Day.

Selain itu, mereka juga terlibat dalam Sambutan Hari Belia Brunei melalui pameran projek Kecerdasan Buatan (AI) dan Realiti Maya (VR), manakala pelajar Media Kreatif menjalin kerjasama dengan Kedutaan Indonesia dalam bidang fotografi dan



Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

videografi.

Sejajar dengan aspirasi memperkasa pendidikan holistik dan pembelajaran berterusan, COSMO turut mencatat beberapa pencapaian baharu antaranya ialah melancarkan Sijil City and Guilds Tahap 3 dalam Operasi Logistik, memperkenalkan Program Bertauliah COSMO (CCP) bagi menyokong pembelajaran sepanjang hayat, melancarkan Your Global Campus (YGC) sebagai platform pembelajaran dalam talian untuk pelajar antarabangsa serta menubuhkan Sports Connect, iaitu sebuah subsidiari penyiaran sukan

digital.

Untuk mengakhiri ucapannya, beliau menyeru para graduan agar terus meningkatkan kemahiran diri, mengikuti perkembangan teknologi dan menimba ilmu secara berterusan demi menyokong aspirasi negara ke arah Wawasan Brunei 2035.

Majlis turut diserikan dengan pameran projek inovatif termasuk Penyiaran Sukan Digital, Sistem POS Pembelajaran Mesin, Inovasi Runcit Pintar untuk Perniagaan Moden, serta 'NextGen Safety : Brunei Towards A Safer Working Environment' oleh 'School of Logistics and Safety'.

FORUM MEMPERKUKUH HUBUNGAN PERNIAGAAN NBD, AUSTRALIA



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat Forum dan Majlis Perkongsian Perniagaan anjuran Suruhanjaya Perdagangan dan Pelaburan Australia (Austrade) bersama Kementerian Kewangan dan Ekonomi (kiri sekali). Manakala gambar kiri, antara yang menyampaikan ucapan pada majlis berkenaan.

ucapannya turut menekankan, skala NBD membolehkan mereka mengumpulkan pemain industri dengan efisien dan mewujudkan persekitaran yang tangkas untuk inovasi dan perkongsian rantaian nilai.

"Bagi syarikat yang ingin mencuba penyelesaian dan mengembangkan perniagaan secara serantau, Brunei tetap menjadi pilihan yang boleh dipercayai dan strategik," katanya.

Forum ini menutup minggu produktif dengan pelbagai penglibatan yang menonjolkan keakraban serta kekuatan hubungan agrimakanan antara Australia dan NBD, di samping menyediakan platform bagi kerjasama merentas rantaian nilai sektor agrimakanan.

Siaran Akhbar dan Foto : Suruhanjaya Tinggi Australia di Negara Brunei Darussalam

>> Muka 1

Dalam ucapannya, Yang Berhormat menekankan, bagi menghadapi zaman yang tidak menentu ini, kita semakin perlu bergantung kepada rakan kongsi yang boleh dipercayai untuk memastikan pertumbuhan masa hadapan.

Beliau menambah, dalam momentum serantau ini, pihaknya mengalu-alukan 'Strategi Ekonomi Asia Tenggara hingga tahun 2040' oleh Australia yang menandakan komitmen teguh untuk memperkukuh penglibatan merentas perdagangan, pelaburan, inovasi dan kesalinghubungan.

Di bawah 'Strategi Ekonomi Asia Tenggara hingga tahun 2040', Australia membantu perniagaan di negara itu untuk berhubung dengan peluang ekonomi di NBD yang dinamik serta keutamaan Wawasan Brunei 2035.

Eksport makanan berkualiti Australia ke Brunei terus berkembang yang menjadi input penting kepada sektor pembuatan makanan NBD yang berkembang. Pengurus Besar, Trade

Diversification Taskforce of Austrade, Jay Meek menjelaskan, Australia telah lama menjadi pembekal produk agrimakanan kepada Brunei yang membantu menyokong keselamatan makanan negara ini dan mereka berhasrat untuk melihat perdagangan ini terus berkembang.

Sementara itu, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) Daniel Leong dalam

Transformasi ekosistem, peranan jurutera memacu pembangunan negara



YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat Malam Jurutera 2025. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi (kanan bawah). Sementara gambar kiri dan bawah kanan, sekitar majlis tersebut.

meningkatkan. Ia mencerminkan kapasiti bagi mengubah cabaran menjadi peluang, menghubungkan elemen sistem yang berbeza, serta menguatkan potensi," katanya.

Ir. Chin Lee Tuck berkata, industri ini didorong untuk mengubah teknologi digital, memperkukuh kapasiti sumber manusia, dan memajukan amalan pembinaan hijau dan mampan.

Transformasi digital tambahnya, sedang membentuk semula penghantaran projek, daripada BIM dan kembar digital, kepada pengurusan projek dipacu data dan alatan pembinaan pintar.

"Pada masa yang sama, masa hadapan industri kita bergantung kepada orang ramai, kemahiran yang kita bina, kecekapan yang kita pupuk untuk menyokong aspirasi Brunei bagi persekitaran binaan yang lebih inovatif, berdaya tahan iklim dan sedia masa hadapan.

"Sama pentingnya ialah komitmen kita terhadap kemampanan. Pembinaan hijau, sistem cekap tenaga, reka bentuk responsif iklim, dan penggunaan sumber yang bertanggungjawab kini menjadi teras kepada kecemerlangan kejuruteraan moden," ujarinya lagi.

Nilai-nilai itu, jelasnya, diselaraskan sepenuhnya dengan Wawasan Brunei 2035, yang menggambarkan masyarakat berkualiti tinggi yang ditunjangi oleh rakyat berpendidikan dan berkemahiran, serta infrastruktur



bertaraf dunia.

Majlis malam itu juga menyaksikan penyampaian beberapa anugerah antaranya kepada Ir. Chin Lee Tuck dan Dayang Siti Zuhairah Brahim; penganugerahan gelaran Ahli Kehormat AFEO kepada Ir. Mohd. Isa Ibrahim dan seterusnya pengiktirafan Jurutera ASEAN kepada Ir. Albert Chua.

Terdahulu, Penasihat Menteri, Kementerian Perancangan Pembangunan Nasional / BAPPENAS, Republik Indonesia,

Profesor Ir. Dr. Michael Goutama dalam ucapannya antara lain menjelaskan mengenai kerjasama serantau, pertumbuhan mampan, serta kepimpinan yang diperlukan untuk memajukan kecemerlangan kejuruteraan di seluruh Asia Tenggara.

Majlis diakhiri dengan Pameran Projek Tahun Akhir Pelajar (FYP), yang mengetengahkan platform bagi bakat kejuruteraan muda untuk mempersembahkan karya inovatif mereka kepada pemimpin industri dan profesional.



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

GADONG, Sabtu, 15 November. - Kira-kira 150 peserta yang terdiri daripada ahli-ahli Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) Brunei, pemimpin industri, para jurutera serta perwakilan dari sektor awam dan swasta, menghadiri Malam Jurutera 2025 yang berlangsung di The Jade Garden, Aras 2, Centrepont Hotel, malam tadi. Majlis dianjurkan oleh Institut Jurutera di bawah PUJA Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid. Juga hadir, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Presiden Institut Jurutera, Ir. Chin Lee Tuck, dalam ucapan alu-aluannya berkata bahawa sambutan pada tahun ini begitu bermakna dan istimewa berikutan

peralihan daripada bekas Bahagian Jurutera kepada identiti baharu yang kini dikenali sebagai Institut Jurutera, PUJA Brunei.

Menurutnya, transformasi tersebut mencerminkan tanggungjawab mereka yang semakin meluas, penglibatan yang dipertingkatkan merentas ekosistem pembinaan serta peningkatan peranan jurutera dalam memacu pembangunan negara.

Ia juga mengesahkan komitmen terhadap kecemerlangan profesional, pengiktirafan serantau serta penajajaran yang lebih rapat dengan piawai kejuruteraan global.

"Tema kami pada tahun ini 'Transformer' dipilih dengan niat dan tujuan. Secara teknikal, pengubah melaraskan voltan dengan tepat dan stabil, sekali gus mengagihkan kuasa dengan selamat dan cekap.

"Selain itu, ia melambangkan kebolehsuaian, kemajuan dan keupayaan untuk terus

Latihan tingkatkan keupayaan tindak balas kecemasan di LTAB



LATIHAN ini melibatkan penyertaan pelbagai agensi kerajaan dan pihak berkepentingan serta agensi-agensi lain di bawah Pelan Kecemasan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (atas dan bawah).



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 November.

Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, telah mengadakan Field Training Exercise (FTX) bagi Latihan Kecemasan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB), Eksesais Bangau Putih 2025, pada 13 November 2025.

Latihan ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kesiapsiagaan dan keupayaan respons kecemasan semua agensi berkepentingan di LTAB.

Usaha ini turut menekankan kepentingan pemahaman terhadap peranan masing-masing serta pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam menangani insiden yang tidak dijangka, khususnya melibatkan nahas pesawat.

Di samping itu, latihan ini menilai keberkesanan komunikasi, koordinasi operasi serta kecekapan respons kolektif antara agensi yang terlibat.

Latihan berlangsung selama kira-kira tiga jam bermula jam 9.00 malam hingga 12.00 tengah malam, dan dilaksanakan sepenuhnya di kawasan LTAB.

Latihan ini melibatkan penyertaan pelbagai agensi kerajaan dan pihak berkepentingan

YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir menyaksikan latihan tersebut.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Penerbangan Awam

termasuk Pasukan Polis Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Penerbangan Awam, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei serta agensi-agensi lain di bawah Pelan Kecemasan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Hadir menyaksikan latihan tersebut ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Turut hadir, Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi serta wakil - wakil agensi berkepentingan.

Pelaksanaan latihan ini diharapkan dapat memperkukuh kesiapsiagaan semua agensi dalam menangani insiden kecemasan di lapangan terbang, khususnya dalam aspek penyaluran maklumat, koordinasi antara pasukan dan kecekapan sistem perhubungan.

Latihan ini juga menyediakan ruang untuk maklum balas konstruktif bagi meningkatkan rangka kerja pengurusan krisis secara menyeluruh.



TRITI ASEAN : MANIFESTASI KEPERCAYAAN, PERPADUAN



YANG Berhormat Peguam Negara, Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Muhammed Taib hadir mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam ke Mesyuarat Menteri-menteri Undang-undang ASEAN Kali Ke-13 dan Mesyuarat Berkaitan yang diadakan di Manila, Republik Filipina.

MANILA, Sabtu, 15 November. - Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Muhammed Taib mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) yang terdiri daripada pegawai-pegawai Pejabat Peguam Negara (PPN) ke Mesyuarat Menteri-menteri Undang - undang ASEAN (ALAWMM) Kali Ke-13 dan Mesyuarat Berkaitan yang diadakan di Manila, Republik Filipina.

ALAWMM Kali Ke-13 yang berlangsung selama dua hari pada 14 dan 15 November 2025 itu dirasmikan oleh Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand Romualdez Marcos Jr.

Semasa menyampaikan ucapan, Tuan Yang Terutama Ferdinand Romualdez Marcos Jr. menekankan bahawa pemeteraian bersejarah Triti ASEAN mengenai Ekstradisi merupakan pencapaian penting dalam memastikan

akuntabiliti merentasi sempadan.

Tuan Yang Terutama turut menyeru agar kerjasama diperkukuhkan bagi menghadapi cabaran baharu, termasuk jenayah siber dan implikasi undang-undang berkaitan Kecerdasan Buatan (AI).

TYT juga menegaskan semula perpaduan ASEAN serta komitmen untuk menegakkan kedaulatan undang-undang sebagai asas kepada keamanan dan kestabilan serantau.

ALAWMM Kali Ke-13 dipengerusikan oleh Pemangku Setiausaha Keadilan Republik Filipina, TYT Frederick A. Vida. Turut hadir, Menteri Undang-undang dan Peguam Negara bagi Negara-negara Anggota ASEAN serta Setiausaha Agung ASEAN, TYT Dr. Kao Kim Hourn.

Mesyuarat meninjau kemajuan kerja dalam bidang kerjasama undang - undang dan perundangan sejak ALAWMM

Ke-12. Khususnya, penyelesaian perundingan ke atas Triti ASEAN mengenai Ekstradisi dan penandatanganannya pada 14 November 2025 menandakan pencapaian penting dalam kerjasama undang - undang demi membanteras jenayah transnasional, mengukuhkan kedaulatan undang-undang dan keadilan.

Selain itu, pengesahan Kenyataan Bersama oleh Menteri-menteri Undang-undang ASEAN mengenai Pembangunan Timbang Tara dan Mediasi Komersil Antarabangsa pada Forum Undang-undang ASEAN 2025, pada 21 Ogos 2025 di Kuala Lumpur, Malaysia, merupakan satu lagi pencapaian penting dalam usaha memajukan timbang tara dan mediasi komersil antarabangsa.

Mesyuarat itu juga menyatakan kejayaan pelaksanaan Visi Komuniti ASEAN 2025 dan Blueprints yang berkaitan, serta

Siaran Akhbar dan Foto : Pejabat Peguam Negara

kemajuan dalam penyelarasan undang-undang perdagangan, pengukuhan kapasiti ASEAN dalam pencegahan jenayah dan keadilan jenayah dan bantuan undang-undang timbal balik dalam hal sivil dan komersil, serta kerjasama dengan Badan Menteri-menteri Sektor ASEAN lain dalam merealisasikan komuniti ASEAN dan agenda berasaskan peraturan.

Mengimbas pencapaian ALAWMM selama dekad yang lalu, Yang Berhormat Peguam Negara menegaskan bahawa usaha kolektif telah memperkukuh struktur undang-undang ASEAN melalui pembangunan instrumen-instrumen undang-undang penting seperti Model Triti ASEAN mengenai Ekstradisi dan seterusnya Triti ASEAN mengenai Ekstradisi yang mengikat dari segi undang-undang.

Yang Berhormat juga menegaskan bahawa Triti ASEAN mengenai Ekstradisi lebih daripada sekadar instrumen undang-undang; ia adalah manifestasi kepercayaan dan perpaduan ASEAN dalam mempertahankan kedaulatan undang - undang dan menggalakkan akuntabiliti merentasi sempadan.

Bersama Treaty of Mutual Legal Assistance in Criminal Matters (MLAT), ia mengukuhkan rangka kerja undang-undang serantau ASEAN dalam membanteras jenayah transnasional dan memupuk tataan serantau berasaskan peraturan.

Dalam langkah ke hadapan dengan Visi Komuniti ASEAN 2045, Yang Berhormat menekankan bahawa tugas ALAWMM untuk memastikan kerjasama undang-undang ASEAN terus berkembang,

responsif terhadap inovasi, menyesuaikan diri dengan perubahan termasuk dalam bidang AI, dan tidak goyah dalam usaha mencapai keamanan dan keadilan.

ALAWMM diadakan setiap dua tahun dan merupakan forum utama dengan mandat untuk membincangkan semua perkara berkaitan kerjasama undang-undang, serta melaksanakan keputusan dan cadangan Sidang Kemuncak ASEAN dan Majlis Politik-Sekuriti ASEAN sebagai sokongan kepada inisiatif integrasi ASEAN.

Sebuah Kenyataan Bersama telah disahkan oleh Menteri-menteri Undang-undang sebagai dokumen hasil Mesyuarat. ALAWMM Ke-14 dan ASLOM Ke-26 akan dihoskan oleh Singapura pada tahun 2027.

Semasa Sidang ALAWMM Ke-13, Yang Berhormat Peguam Negara turut menghadiri Mesyuarat Menteri - menteri Undang-undang ASEAN yang pertama dengan Jepun (ALAWMM - Jepun) yang diadakan pada hari ini di Manila, Filipina.

Mesyuarat ALAWMM - Jepun pertama itu menandakan peningkatan penting dalam kerjasama dan perkongsian antara ASEAN dan Jepun dalam bidang undang-undang dan keadilan ke tahap yang lebih tinggi. Mesyuarat telah memuji inisiatif dan aktiviti bagi melaksanakan Rangka Kerja ASEAN-Jepun mengenai undang-undang dan keadilan.

Telah diakui bahawa usaha bersama ini akan mewujudkan kerjasama yang lebih erat dalam bidang undang-undang dan keadilan, serta meningkatkan pencegahan jenayah pada peringkat transnasional, pembangunan kapasiti, dan bantuan perundangan bersama.

DOA KESYUKURAN SAMBUTAN JUBLI PERAK PENGGUNAAN MASJID YSHHB



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor/ Morshidi

KASAT, Ahad, 16 November. - Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pagi tadi mengadakan Majlis Sambutan Jubli Perak 25 Tahun sempena memperingati penggunaan bangunan masjid berkenaan yang telah menjadi mercu tanda keagamaan dan tempat tumpuan ibadat masyarakat setempat sejak penubuhannya.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Ahli

Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan Tahlil Arwah oleh bilal masjid, Awang Mohammad bin Rosdin dan seterusnya Doa Tahlil Arwah serta Doa Kesyukuran Majlis yang dibacakan oleh Imam Masjid, Awang 'Abdul Rauf bin Haji Ismail.

Majlis diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Ketua Imam Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Haji Jalaluddin Jamil bin Mohd. Kushairi Azam selaku pengerusi majlis dan

seterusnya diserikan lagi dengan persembahan puisi daripada wakil Belia Imtiyaz dan Tausyeh daripada Muslimah Masjid.

Tetamu kehormat kemudian menyampaikan cenderahati kepada mantan imam dan bilal bagi menghargai sumbangan dan jasa mereka.

Ini diteruskan dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan bagi menzahirkan rasa syukur dan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah hadir selaku tetamu kehormat Majlis Sambutan Jubli Perak 25 Tahun sempena memperingati penggunaan bangunan masjid berkenaan.

Negara Brunei Darussalam serta keluarga baginda dirahmati dan dilanjutkan usia dalam kemuliaan dan kesejahteraan.

Sebagai sebahagian daripada acara sambutan, tetamu kehormat turut merasmikan Revolusi Belia Imtiyaz serta mengadakan lawatan ke Pameran Masjid dan Pameran Belia Imtiyaz.

Sambutan ini bukan sahaja memperingati perjalanan 25 tahun Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah sebagai pusat ibadat dan pengimarah syiar Islam, tetapi juga sebagai wadah memperkukuh silaturahim dan semangat perpaduan dalam kalangan penduduk kampung.

Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah adalah

merupakan wakaf peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi memberikan kemudahan tempat beribadat bagi penduduk rancangan perumahan Yayasan Kampung Bolkiah 'A' dan Kampung Bolkiah 'B' serta penduduk sekitarnya.

Masjid ini yang telah siap dibina dan mula digunakan pada Jumaat, 27 Oktober 2000. Sejak itu, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah terus memberikan sokongan berterusan dalam memperkasa serta mengembangkan pelbagai kegiatan takmir masjid berkenaan.

Festival ketengahkan budaya tradisional, kontemporari Jepun



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Pembukaan Japanese Culture & Film Festival 2025. Turut hadir, Duta Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 November. - Majlis Pembukaan Japanese Culture & Film Festival 2025 berlangsung di Times Square Shopping Centre telah dihoskan bersama oleh Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam dan Times Square Shopping Centre.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Juga hadir, Duta Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Kikuta Yutaka, dan Pengurus Besar Times Square Shopping Centre, Dayang Amal Majidah binti Haji Suhaili.

Dalam ucapan Dayang Amal Majidah, beliau menyatakan bahawa penganjuran festival tersebut menjadi wadah untuk menghimpunkan masyarakat bagi menikmati keunikan budaya dan tradisi Jepun.

Katanya, para pengunjung boleh menantikan pelbagai aktiviti menarik yang disediakan untuk semua lapisan masyarakat, termasuk persembahan tarian, seni, filem dan makanan.

"Dalam kita meraikan Japanese Culture & Film Festival pada tahun ini, marilah kita turut mengiktiraf kepentingan pertukaran budaya dalam membina jambatan hubungan antara negara. Melalui kesempatan ini, kita dapat saling belajar, berkongsi perspektif serta

memupuk pemahaman dan kerjasama yang lebih erat," ujarnya.

Beliau juga merakamkan penghargaan kepada semua penyokong dan vendor atas komitmen serta penglibatan berterusan dalam festival berkenaan.

Majlis turut diserikan dengan persembahan Wadaiko (dram Jepun) oleh kumpulan HIBIKIYA dari Singapura, yang membuka tirai festival dengan persembahan bertenaga.

Japanese Culture & Film Festival 2025, yang berlangsung dari 15 hingga 16 November di Times Square Shopping Centre, dibukakan kepada orang ramai secara percuma.

Festival ini bertujuan mengetengahkan budaya tradisional dan kontemporari Jepun, di samping menyediakan platform untuk mendapatkan maklumat mengenai peluang pengajian, biasiswa dan program pertukaran belia di Jepun.

Pengunjung juga boleh menikmati persembahan pentas, bengkel kebudayaan serta pameran di ruai yang disediakan.

Selain itu, dua buah filem Jepun turut ditayangkan secara percuma di Times Cineplex sepanjang festival berlangsung.

PEMBUKAAN tirai festival tersebut adalah persembahan Wadaiko (dram Jepun) oleh kumpulan HIBIKIYA dari Singapura.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Alishahrin Haji Mumin



ANTARA yang hadir pada majlis pembukaan tersebut yang telah mengambil tempat di Times Square Shopping Centre, di sini.



MENINGKATKAN KEFAHAMAN ORANG RAMAI MENGENAI DIABETES, KESEJAHTERAAN MENTAL

PEMANGKU Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan hadir dan seterusnya merasmikan sambutan tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 November. - Bersempena dengan Hari Diabetes Sedunia 2025, Pusat Promosi Kesihatan (HPC) dengan kerjasama Pusat Endokrin, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) serta beberapa jabatan klinikal menganjurkan Sambutan Hari Diabetes Sedunia 2025 di OneCity Shopping Centre, dengan tema 'Diabetes dan Kesejahteraan' (Diabetes and Wellbeing).

Hadir dan seterusnya merasmikan sambutan berkenaan, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pakar Perubatan, Dr. Yung Chee Kwang selaku Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Majlis Sambutan Hari Diabetes Sedunia 2025.

Beliau antara lain menjelaskan, perkembangan situasi diabetes merupakan satu kebimbangan besar terhadap komuniti global, termasuk di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Menurutnya, Persekutuan Diabetes Antarabangsa dalam edisi ke-11 terbaru menerbitkan bahawa 'tsunami diabetes' dijangka terus meningkat daripada 589 juta pada 2024 kepada 850 juta pada 2050.

Jelasnya lagi, NBD seperti negara-negara lain di dunia, tidak terkecuali daripada nasib yang sama dengan peningkatan prevalens diabetes mellitus daripada 9.7 peratus pada 2016 kepada 15 peratus pada 2023.

Dr. Yung Chee Kwang seterusnya berkata, seiring dengan perkembangan situasi yang merisaukan berkenaan, meningkatlah juga kos komplikasi dan perbelanjaan penjagaan kesihatan dalam menguruskan keadaan tersebut.

"Kita bukan hanya membicarakan tentang kos ubat-ubatan dan pemeriksaan bersama doktor, namun kita membicarakan tentang kos yang amat besar dan akibat yang boleh dielakkan seperti penyakit jantung, kegagalan buah pinggang, buta, dan amputasi.



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

"Komplikasi - komplikasi ini memberi kesan yang besar kepada individu dan meningkatkan kos kesihatan negara secara ketara dan oleh itu, tindakan perlu diambil segera untuk menanganinya," ujarnya lagi.

Majlis kemudian diteruskan dengan perasmian sambutan berkenaan oleh tetamu kehormat majlis.

Tema tahun ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman orang ramai mengenai kaitan antara diabetes dan kesejahteraan mental, memperluas akses kepada sokongan psikologi bagi mereka yang hidup dengan diabetes, memperkukuh tindakan di peringkat komuniti dan dasar bagi penjagaan diabetes yang lebih baik, serta mengurangkan stigma dengan menggalakkan pendekatan yang lebih berbelas kasihan dalam pengurusan penyakit berkenaan.

Pelbagai aktiviti interaktif dan pendidikan turut diadakan sepanjang acara, termasuk pameran kesihatan; khidmat pemeriksaan kesihatan percuma; saringan diabetes dan saringan mata (Saringan Kecerdasan Buatan (AI) oleh Jabatan Oftalmologi); aktiviti mewarna; cabutan bertuah; persembahan koir; kuiz spontan (Pop Quiz) dan ruang bergambar (Photobooth) serta sesi senamrobik.

Pada sambutan berkenaan, Jabatan Pediatrik Hospital RIPAS juga melancarkan buku maklumat bertajuk 'Diabetes Jenis 1 Dalam Kalangan Kanak-kanak di Brunei'.

Buku berkenaan amat istimewa kerana ia diilhamkan oleh para pesakit sendiri, iaitu anak-anak dan keluarga yang setiap hari menunjukkan semangat, ketabahan dan harapan dalam

mengharungi cabaran hidup dengan Diabetes Jenis 1.

Selain itu, buku berkenaan juga berfungsi sebagai bahan rujukan dan pengajaran, serta sebagai panduan praktikal yang boleh digunakan oleh ibu bapa di rumah.

Ia mengandungi maklumat yang jelas mengenai diabetes, cara pengurusan harian, serta jawapan kepada soalan-soalan lazim yang dipertanyakan.

Sebanyak 15 buah reruai pameran mengambil bahagian yang melibatkan pelbagai jabatan kesihatan dan agensi swasta, termasuk Pusat Endokrin, Hospital RIPAS; HPC; Klinik Pediatrik; Jabatan Podoterapi; Unit Psikologi dan Psikiatri; Unit Dietetik; Unit Oftalmologi; Program Saringan Kesihatan Kebangsaan (NHSP); EVYD Technology; Jerudong Park Medical Centre (JPMC); Royal Brunei Airlines (RBA); Clarity; K-Seri Pharma; Imagine Sdn. Bhd. dan Jerudong Park Medical Centre College of Health Sciences (JCHS).

Para pengunjung turut digalakkan untuk menyertai Cabaran Saringan Kesihatan, dengan peserta perlu mengumpul setem daripada reruai pameran yang dilawati bagi melayakkan diri untuk menyertai cabutan bertuah.

Aktiviti berkenaan bertujuan untuk menggalakkan penyertaan komuniti, pembelajaran serta kesedaran mengenai pencegahan dan pengurusan diabetes dalam suasana yang menyenangkan dan interaktif.

Kementerian Kesihatan terus komited dalam menggalakkan gaya hidup sihat serta pemeriksaan awal bagi penyakit diabetes bagi mencegah komplikasi dan meningkatkan kesejahteraan hidup.

Awang Mohammad Ariffin calon Ketua Kampung Labi I

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Belait

BELAIT, Ahad, 16 November. – Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Labi I, Mukim Labi diadakan hari ini, bertempat di Bangunan Jabatan-jabatan Kerajaan Mukim Labi, di sini.

Pengundian menggunakan kaedah kertas undi (ballot papers). Manakala, pengundian menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK telah bermula pada Jumaat, 14 November 2025 pada jam 8.00 pagi.

Hadir pada majlis berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Muhammad Faiq bin Haji Rani.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, juga Penghulu Mukim Bukit Sawat, Daerah Belait; dan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, juga Ketua Kampung Bukit Sawat, Daerah Belait.

Juga hadir, wakil dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Pemangku Ketua Kampung Labi I.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang diketuai oleh Pemangku Imam Masjid Labi, Awang Abdul Qadir bin Osman.

Calon tunggal yang layak bagi jawatan Ketua Kampung Labi I, Mukim Labi ialah Awang Mohammad Ariffin bin Haji Abdul Rahman, berusia 50 tahun.

Beliau berkelulusan Brunei-Cambridge GCE Peringkat 'O' dan pada masa ini bertugas sebagai Ahli Bomba Kanan di Jabatan Bomba dan Penyelamat. Di samping itu, beliau juga aktif dalam aktiviti keagamaan dan pada masa ini adalah Penolong Setiausaha Takmir Masjid Mukim Labi.

Seramai 78 penduduk kampung yang berdaftar dan layak mengundi telah mengundi calon untuk mengisi kekosongan jawatan Ketua Kampung Labi I, Mukim Labi.

Seramai 17 orang, iaitu 22 peratus telah mengundi menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK, manakala 61 orang, iaitu 78 peratus pula menggunakan kertas undi.

Daripada jumlah yang telah mengundi berkenaan, seramai 71 orang bersetuju, manakala lima orang tidak bersetuju, sementara dua undi rosak.

Keputusan pengundian yang diperoleh akan dibawa dan digunakan dalam menyediakan sokongan dan seterusnya dihadapkan kepada Lembaga Perjawatan, Disiplin, Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, KHEDN bagi proses yang selanjutnya.



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir pada majlis tersebut.

Melalui inisiatif seumpama berkenaan, Kementerian Kesihatan berharap dapat memperkukuh sokongan komuniti dan memupuk pendekatan yang lebih holistik terhadap penjagaan diabetes di NBD.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji

Yusoff, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai serta kakitangan Kementerian Kesihatan.

Sukarelawan dari Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatol Bolkiah (IHS PAPRSB), Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan JCHS turut membantu dalam pengurusan orientasi awam, pendaftaran serta bimbingan kepada para pengunjung sepanjang acara berlangsung.

Lelaki berbangsa Dusun terima hidayah

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

LAMBAK KANAN, Ahad, 16 November. - Sejak awal Januari hingga 13 November 2025, seramai 227 orang telah memeluk agama Islam di Negara Brunei Darussalam, daripada jumlah tersebut, 117 orang merupakan dari Daerah Brunei dan Muara.

Jumlah tersebut meningkat kepada 228 orang apabila seorang lagi lelaki daripada puak Dusun memeluk agama Islam petang tadi pada Majlis Pengislaman yang diadakan di Kampung Perpindahan Lambak Kanan, di sini.

Pada majlis tersebut, Awang Esmierwandi bin Suhaimi, 24 tahun, memilih Islam sebagai

pegangan hidup dan melafazkan dua kalimah syahadah.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan lafaz Dua Kalimah Syahadah oleh Awang Esmierwandi, yang kemudiannya memilih nama Islamnya sebagai Awang Muhammad Esmierwandi bin Suhaimi.

Pengislaman beliau disempurnakan di hadapan pegawai dari Bahagian Pengembangan Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Acara turut diserikan dengan penyampaian cenderahati kepada

saudara baharu sebagai tanda penghargaan dan sokongan serta disusuli dengan Dikir Marhaban dan bacaan Doa Selamat bagi memberkati majlis.

Majlis antara lain bertujuan untuk menyambut dan meraikan saudara baharu dalam suasana penuh kasih sayang dan ukuwah Islamiah, di samping memberi sokongan moral serta bimbingan awal dalam kehidupan baharu sebagai seorang Muslim.

Semoga Awang Muhammad Esmierwandi terus istiqamah dalam iman, diberi kekuatan dalam menempuh perjalanan baharu ini, dan sentiasa berada dalam lindungan serta rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.



AWANG Esmierwandi bin Suhaimi semasa melafazkan dua kalimah syahadah di hadapan pegawai dari Bahagian Pengembangan Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

MEMUPUK GOLONGAN MUDA DALAM PENJAGAAN ALAM SEKITAR, PEMBELAJARAN DIGITAL



SEBAHAGIAN pelajar yang menyertai bengkel 'Brunei Kids Can Code' (BKCC).

■ Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

TUNGGU LINK, Ahad, 16 November. - Dynamik Technologies dengan kerjasama Institut Penyelidikan Biodiversiti dan Alam Sekitar (IBER), Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah mengadakan bengkel khas 'Brunei Kids Can Code' (BKCC) yang diadakan di UBD sempena ulang tahun pertama program 'Dynamik Trees'.

Bengkel tersebut menghimpunkan seramai 25 pelajar dalam sesi pembelajaran kod secara praktikal yang menggabungkan pembelajaran digital dengan kesedaran alam sekitar.

Menggunakan teknologi Micro:bit, para peserta membina sistem penyiraman tanaman automatik yang mampu mengesan kelembapan tanah dan mengaktifkan penyiraman apabila

diperlukan, sekali gus menghubungkan konsep pengaturcaraan dengan aplikasi kelestarian yang praktikal.

Hadir ke sesi bengkel tersebut ialah Penolong Naib Canselor (Penyelidikan, Inovasi dan Kelestarian), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Haji Abdul Hanif bin Dato Paduka Haji Mahadi dan Ketua Korporat dan Perkhidmatan Dynamik Technologies, Dayang Hajah Siti Rozana binti Dato Paduka Haji Md. Yunos dan seterusnya merasmikan sambutan ulang tahun pertama Dynamik Trees.

Acara kemudian diselenggarakan dengan upacara penanaman pokok dan lawatan ke taman biodiversiti Pusat Penyelidikan Botani UBD (UBD BRC).

Bersempena dengan penanaman pokok dan sambutan tersebut, UBD BRC menyumbangkan seponon anak pokok 'Hopea vacciniifolia' manakala Dynamik Technologies menyumbangkan seponon anak pokok 'Dipterocarpus borneensis' di bawah inisiatif Tanggungjawab

Sosial Korporat (CSR) Dynamik Trees 'Adopt-A-Tree' yang didedikasikan kepada program BKCC.

Usaha ini mencerminkan komitmen bersama dalam memupuk penjagaan alam sekitar dan pembelajaran digital dalam kalangan generasi muda.

Dilancarkan pada tahun 2024, program Dynamik Trees menyokong pemuliharaan *ex-situ* lima spesies pokok tempatan melalui projek Adopt-A-Tree serta penanaman 23 anak pokok spesies bernilai konservasi tinggi di UBD BRC. Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab CSR Dynamik Technologies untuk memperkembangkan penyelidikan biodiversiti dan memupuk penjagaan alam sekitar.

"Kerjasama dengan IBER UBD mencerminkan kepercayaan kami di Dynamik bahawa kemajuan dalam teknologi dan perniagaan mesti

seiring dengan penjagaan alam sekitar dan komuniti," kata Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Dynamik Technologies, Dayang Fatin Nabeela binti Haji Fadzil.

"Kepercayaan itulah yang menjadi teras dalam operasi kami. Di Dynamik Technologies, amanah sentiasa menjadi nilai panduan yang mengingatkan kami bahawa setiap tindakan harus meninggalkan sesuatu yang lebih baik. Hasrat kami bukan sahaja untuk menyokong kelestarian melalui kata-kata, tetapi melalui kerjasama jangka panjang dan impak yang nyata".

Kerjasama antara Dynamik Technologies, IBER UBD dan program BKCC terus menonjolkan kepentingan menghubungkan teknologi, pendidikan dan tanggungjawab alam sekitar dalam menyokong matlamat pembangunan lestari Negara Brunei Darussalam.

Mini Konvokesyen raikan 173 graduan cilik



PENOLONG Pengarah Urusan (Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial), YSHHB, Awang Iswandy bin Ahmad hadir menyempurnakan penyampaian sijil dan hadiah kepada para penerima.

■ Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Dk. Nurhafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 November. - Seramai 173 graduan cilik Taman Asuhan 3 bagi Tahun 2025 telah berjaya menamatkan pembelajaran di bawah Program Pendidikan Awal Kanak-kanak selama tiga tahun di Taman Asuhan Kanak-kanak Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (TASKA YSHHB).

Sehubungan itu, para graduan cilik tersebut diraikan pada Majlis Mini Konvokesyen Kali Ke-27, Penyampaian Hadiah dan Sijil Akademik serta Mini Konsert Taman Asuhan 3, yang berlangsung di Dewan TASKA YSHHB, hari ini.

Penyampaian sijil dan hadiah telah disempurnakan oleh Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial), YSHHB, Awang Iswandy bin Ahmad.

Terdahulu, Pengetua Sekolah Rendah dan TASKA YSHHB, Dayang Hajah Hafizah binti Haji Salat, dalam ucapan alu-aluannya antara lain berkata bahawa kemahiran dan kebolehan membaca adalah menjadi satu

Inggeris. Bagi pencapaian bacaan dalam bahasa Melayu pula, 79 peratus telah mampu membaca hingga tahap buku 6 ke atas, sesuai tahap kemahiran mengikut umur," ujarnya.

Menurutnya lagi, kemahiran-kemahiran lain tidak kurang pentingnya seperti kemahiran menulis, mengira, kebolehan bersukan dan penekanan dalam bacaan doa. Kemahiran asas tentang keagamaan turut dititikberatkan.

Program Memartabatkan Bahasa Arab dan pendidikan Al-Quran tambahnya, turut diadakan dengan kolaborasi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. Ia merupakan antara aktiviti yang turut diterapkan bagi penekanan sahsiah dan pembentukan akhlak kanak-kanak.

Selain itu, dua kategori anugerah turut disampaikan, di mana tujuh murid menerima 'Best Achievement Award', manakala tujuh murid lagi menerima 'Best Progress Award'.

Majlis diserikan dengan mini konsert bertemakan 'Little Hearts, Big Values' yang dipersembahkan oleh murid-murid Taman Asuhan 3 dengan mengetengahkan mesej nilai-nilai murni seperti hormat-menghormati, kebaikan hati dan semangat kebersamaan dalam kalangan kanak-kanak.

Penganugerahan sijil dan pencapaian murid-murid ini adalah berdasarkan sistem penilaian berterusan yang memfokuskan kepada kemahiran membaca mengikut skim TASKA yang dilaksanakan secara fizikal.

Program tersebut diharap dapat memberikan pendedahan kepada murid-murid TASKA untuk meningkatkan keyakinan diri ketika berada di atas pentas dan berhadapan dengan orang ramai serta memberikan penghargaan kepada murid-murid atas usaha, pencapaian dan kegigihan mereka dalam aspek akademik secara holistik.

Biro Wanita MPK Sengkuring anjur Majlis Khatam Al-Quran

■ Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 November.- Biro Wanita Majlis Perundangan Tertinggi (MPK) Sengkuring 'B' melalui inisiatif Jawatankuasa Tertinggi dan ahli-ahlinya telah menganjurkan Program Membaca Al-Quran Satu Hari Dua Halaman (1H2H), yang mula dilaksanakan pada Januari 2023.

Tahun ini menandakan penganjuran kali ketiga program berkenaan. Majlis Khatam Al-Quran bagi program tersebut berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Mukim Sengkuring, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Ketua Kampung Sengkuring 'B', Awang Abdul Razak bin Haji Ismail serta isteri.

Turut hadir, Pengerusi Biro Wanita MPK Sengkuring 'B', Dayang Hajah Rukiah binti Haji Mohd. Yassin; Timbalan Pengerusi Biro Wanita MPK Sengkuring 'B', Dayang Hajah Azizah binti Haji Mirasan; ahli-ahli jawatankuasa tertinggi serta lebih 40 ahli Biro Wanita MPK Sengkuring 'B'.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah diketuai oleh, Imam Masjid Sultan Sharif Ali Sengkuring, Awang Haji Manan bin Haji Osman, diikuti dengan membaca surah lazim beramai-ramai.

Kemudian bacaan Takhtim diketuai oleh Dayang Hajah Kahidah binti Haji Salat dan Doa Khatam Al-Quran dibacakan oleh Dayang Hajah Rahimah binti Abas.


Majlis turut diserikan dengan Dikir Marhaban dan penyampaian sijil penghargaan kepada para peserta khatam yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Acara diakhiri dengan bacaan Doa Pelihaaran Sultan oleh Awang Haji Manan.

Penganjuran program berkenaan dihasrat dapat diteruskan setiap tahun sebagai salah satu aktiviti tahunan Biro Wanita MPK Sengkuring.

Tujuan majlis diadakan adalah sebagai kemuncak Program 1H2H Musim Ketiga, yang dilaksanakan sepanjang tahun oleh ahli-ahli biro wanita selain menggalakkan pembacaan Al-Quran dalam kalangan ahli Biro Wanita MPK Sengkuring 'B' khususnya dan kaum wanita amnya, di samping memupuk budaya membaca Al-Quran dalam kehidupan seharian serta memperbanyakkan amal ibadat.

Ia juga bertujuan untuk menarik minat anggota Biro Wanita untuk membaca dan mengkhatamkan Al-Quran, seterusnya melahirkan generasi celik Al-Quran.



PEMANGKU Ketua Kampung Sengkuring 'B' serta isteri hadir selaku tetamu kehormat majlis berkenaan.

TINGKATKAN KEYAKINAN PELAJAR BERTUTUR, KUASAI BAHASA ARAB



PEMANGKU Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman yang sekali gus menyempurnakan perasmian program tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 November. - Bagi meningkatkan kemahiran serta

menguatkan budaya bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar persekolahan Arab, pagi tadi Sekolah Tinggi Arab Hassanah Bolkiah mengadakan Program Hayya Ilal 'Arabiyyah (Mari Berbahasa Arab) bertemakan 'Akhlaq Mahkota Ulama: Meneladani Mereka, Meningkatkan Martabat Diri' bertempat di sekolah berkenaan.

Hadir selaku tetamu khas majlis ialah Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman yang sekali gus menyempurnakan perasmian program tersebut.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengetua Sekolah Tinggi Arab Hassanah

Bolkiah, Dayang Hajah Azizah binti Haji Mohamad.

Antara pengisian atur cara termasuklah persembahan lagu Hayya Ilal 'Arabiyyah, persembahan tausiyah serta lawatan ke petak-petak aktiviti dan pameran yang diketengahkan oleh pelajar-pelajar sekolah berkenaan.

Program Hayya Ilal 'Arabiyyah merupakan salah satu usaha yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengajian Islam melalui sekolah-sekolah Arab bagi memperkukuh penguasaan pelajar dalam bahasa Arab.

Dalam pada itu, penganjuran program ini juga berperanan sebagai wadah praktikal untuk para pelajar mengaplikasikan bahasa Arab dalam pelbagai aktiviti kokurikulum yang menarik dan menyeronokkan.

Selain itu, pelaksanaan program ini juga bertujuan untuk membantu

Berita dan Foto : Nurdyanah Rajami



ANTARA salah satu petak aktiviti dan pameran yang diketengahkan oleh pelajar-pelajar Sekolah Tinggi Arab Hassanah Bolkiah di majlis tersebut.

meningkatkan keyakinan diri menggunakan bahasa Arab pelajar dalam bertutur serta dengan lebih fasih dan berkesan.

Bengkel meningkatkan mutu bacaan Surah Al-Fatihah



TUTONG, Sabtu, 15 November. - Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel, Mukim Kiudang dan Pejabat Hal Ehwal Masjid, Daerah Tutong dengan kerjasama Bahagian Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama menganjurkan Bengkel Surah Al-Fatihah bagi AJK Takmir, Muslimah dan Jemaah Masjid yang mengambil tempat di Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel, Mukim Kiudang, di sini.

Seramai 70 orang AJK Takmir, Muslimah serta jemaah masjid telah menyertai bengkel yang disampaikan oleh Awang Haji Mohd. Daud bin Haji Abd. Kadir, selaku fasilitator bengkel.

Hadir selaku tetamu kehormat

ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, JHEM, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri. Juga hadir ialah Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Zulkifli bin Haji Murat.

Turut hadir, Pemangku Ketua Bahagian Imarah, JHEM, Awang Haji Kamaruzzaman bin Haji Jakar; Imam Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel, Awang Haji Mahari bin Haji Metussin selaku Pengerusi Bersama; Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong, Awang Haji Aidil Sofian bin Haji Mohd. Yassin; Penghulu Mukim Kiudang, Awang Haji Khairulizam bin Haji Jeffri; Ketua Kampung Muhiang dan Pad Nunok, Awang Muhammad Rifae bin Haji Abd. Rahim; dan Dato Paduka Haji Aziyan bin Abdullah selaku Penasihat AJK Takmir Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel.

Surah Al-Fatihah merupakan surah pertama dalam Al-Quran dan menjadi bacaan wajib dalam setiap rakat solat fardu serta solat sunat.

Surah ini turut dikenali sebagai Ummul Kitab kerana menghimpunkan inti pati ajaran Islam yang merangkumi pengagungan dan pujian kepada Allah Subhanahu Wata'ala, permohonan hidayah, serta penegasan dalam mengikuti jalan yang benar.

Bengkel dibahagikan kepada

dua sesi iaitu sesi teori serta latihan bacaan secara berkumpulan dan sesi tasmik secara perseorangan.

Sementara isi kandungan bengkel termasuk penjelasan mengenai pengertian Tahsin, pengenalan dan pengukuhan hukum tajwid; kepentingan bacaan Surah Al-Fatihah dalam solat, contoh bacaan oleh qari atau imam yang masyhur; jenis-jenis kesalahan yang lazim dalam bacaan Al-Quran, sesi Tahsin secara berkumpulan dan individu; penerangan hukum tajwid dalam bacaan Surah Al-Fatihah serta penerapan variasi lagu secara mural.

Dengan penganjuran Bengkel Surah Al-Fatihah ini diharapkan menjadi satu peluang berharga dalam meningkatkan mutu bacaan Al-Fatihah dalam kalangan pemimpin komuniti masjid, di samping memberi impak positif kepada kualiti ibadah khususnya solat.

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, JHEM, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir selaku tetamu kehormat (atas), sementara gambar atas kiri, fasilitator bengkel berkenaan, dan gambar bawah kiri, antara yang hadir menyertai bengkel tersebut.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Mewujudkan Keamanan Dunia melalui Hubungan Antarabangsa'. Tarikh Tutup : 19 November 2025
2. 'Peranan Pendidikan Dalam Mencegah Penyeludupan Remaja'. Tarikh Tutup : 26 November 2025
3. 'Pemandu Berhemah, Negara Sejahtera'. Tarikh Tutup : 3 Disember 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

**Menangi
BND75**

SETIAP MINGGU

سروک سر

أمانه سباکاي قعکونا جالن رای

جماعه یغ درحمتی الله،

بر تقوی له کیت کحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دَعْن مَنِيغَكْنِکَن کَلِمَانِن کَفْدَن. سسغکوهن اورغ یغ فالیغ ملیا دسیسی الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ایت ایاله اورغ یغ فالیغ بر تقوی. موده-مودهن کیت منجادی انسان یغ سنتیاس مغایغی الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، بر اوله کجیان دان کسلامتن ددنیا دان جوک دأخیره.

جماعه یغ درحمتی الله،

الحمد لله، دالم منیب کهدوفن این، کیت برشکور اتس فلپاکای نعمت یغ الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى اُنوکرهکن کفد کیت. انتاران ایاله کموداهن دان قراسارنا یغ دسدیاکن اولیه فیق کراجان سفرتی جالن رای. ای مروفاکن کموداهن عوام اونتوق کمصلحتن رعیت دالم اوروسن فرهوبوغن دان فغاغکوتن.

نامون، جالن رای بوکنله میدن اتافون تمقت اونتوق منوغوکن کهبین دان کبرانیان کتیک میندو. سبالیقن، ای منوتوت کیت سموا سباکای قعکونا اکر منجاک دان ملیهارا کموداهن این سرتا منجادیکن سباکای تمقت یغ سلامت دان بوکنن فونجا کجلاکان.

اکام اسلام مغأجورکن اومتن اکر منجاوهکن دیری درقد سکل قرکارا یغ بولیه مروسقکن دان میاوا کینسان. ادفون انتارا قرکارا یغ بولیه منداغکن کینسان، کروکین، کموسنهن هرتا دان جیوا ایت ایاله کمالغن جالن رای. الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى برفرمان دالم سورة البقرة آیه ۱۹۵:

تفسیرن:

دان بلنجاکنله (هرتا یغ اد قد کامو) قد جالن الله دان جاغنه کامو سفاج منجروموسکن دیری کامو سندیری کدالم کینسان. دان بربوات بایکله کامو کران سسغکوهن الله میوکیای اورغ-اورغ یغ بربوات کبایکن.

جماعه یغ درحمتی الله،

منوروت لاقورن یغ دترما درقد فیق جابن سیاستن دان کاولن لالو لینس جالن رای، فاسوکن فویس دراج برونی، قد تاهون این سهاج سهیغک بولن سیقیمیمر، سبالیق ۱۸ یاوا تله ترکورین دان ۳۲۵ کجدران تله دریکودکن. اغکا این امت معجوتکن دان ممبیمبکن.

کمالغن جالن رای تله ممعکیتکن فلپاکای کجدران، رامای مغسا مغعلی کجاجن سجارا ککل. ادفون انتارا فونجا اوتام کمالغن جالن رای اداله:

قرتام: سیکف جوای دان لیکا فمندو، جونتوهن موتوغ دکاریسن برکمیر، منوکر لوروغ سجارا مغجوت تنفا ممیریکن اشارت، تیدق منجاک جارق کندرآن، دان تیدق فکا ترهادف فکر جا یغ براد دجالن رای.

کدوا: مندو ملیهی حد لاجو یغ تله دنتشکن.

کتیک: مغکوناکن تیلفون بیمبیت کتیک میندو سهیغک منجسکن تومقوان میندو.

کامقت: فجالن کاکای یغ مغابایکن کسلامتن دغن تیدق مغکوناکن لپنتسن اتاو جحتس یغ تله دسدیاکن.

ماریله کیت برسام-سام مغمبیل إعتیر دان مفرتیغکتن دیسقلین سرتا

تغکوغجواب سماس براد دجالن رای. اولیه یغ دمکین، فارا قعکونا جالنرای هندقله مماتوهی سکل فراتورن-قراتورن یغ تله دنتشکن. قاتوهی اوندغ-اوندغ لالو لینتاس، ایلکن سیکف جوای دان ممیتغکن دیری سندیری. کران ستیاف کجواين بولیه مغوندغ کمضرتن کفد دیری سندیری دان اورغ لاین. سسغکوهن منجاک کسلامتن دجالن رای جوک مروفاکن سباکیان درقد امانه دان تغکوغجواب کیت ترهادف الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

جماعه یغ درحمتی الله،

قارا قمندو قرو سنتیاس بروسقادا دان ممیری تومقوان کتیک میندو سرتا ممیتکن کسلامتن دیری دان جوک کسلامتن اورغ لاین دجالن رای، جاغنه برسیکف ممیتغکن دیری سندیری. مندوله دغن فنه برهیمه دان ممسویکن جارا میندو مغیکوت کادان دان سواسان جالن، جواجا دان تیغکه لاکو قعکونان لاین. مغمکلن صفة صیر جوک اداله لاغکه فنتیغ دالم اوسها اونتوق مغورغن کمالغن جالن رای. سلالین ایت، قعکونا جالن رای جوک هندقله ممیتکن کندرآن براد دالم کادان بایک سیلوم مولاکن سبارغ فرجالن.

سلاین دري لغکه-لغکه فیزیکل یغ دلاکوکن باکی مغایلقکن برلاکون کمالغن جالن رای. اومت اسلام دکالفرن اونتوق مفرکوکه قریلندوغن دیری دغن مغمکلن دعاء دان ذکر سیلوم مولاکن فرجالن سهیغک سمفی کتمقت یغ دتوجو. این اداله سباکای اوسها اونتوق ممیتکن کسلامتن دان کلنجانان فرجالن، انتاران سفرتی مغمکلن دعاء سباکای قریلندوغ. الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى برفرمان دالم سورة غافر آیه ۶۰:

تفسیرن:

دان توهن کامو برفرمان: "بردعاه له کفد کو نسجای اکر مفرکنکن دعاء کامو. سسغکوهن اورغ-اورغ یغ مموبوغکن دیری درقد برعبادت کفد کو اکن ماسوق نراک جهنم دالم کادان هینا".

سباکای اورغ اسلام، کیت دسوتکن اونتوق ممیاج دعاء سیلوم مولاکن سسواتو فرجالن تیدق کبرا فرجالن جاوه اتافون دکت. بریکوت این ایاله دعاء-دعاه یغ بولیه کیت عملکن، انتاران:

قرتام: بردعاه. کتیک هندق کلوار رومه دسوتکن ممیاج دعاء-دعاه ترنتو اونتوق موهون قریلندوغن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. رسول الله ﷺ دالم حدیث بکیندا اد مغاجرکن آیه یغ دأجورکن اونتوق دباچ کتیک کلوار رومه. دعاهن اداله سباکیما دسوت دالم سیوا حدیث یغ دروايتکن اولیه انس بن مالک رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: مَنْ قَالَ -يَعْنِي إِذَا خَرَجَ مِنْ بَيْتِهِ-: بِسْمِ اللَّهِ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ، يُقَالُ لَهُ كُفِّيتَ وَوُفِّيتَ، وَتَنَحَّى عَنْهُ الشَّيْطَانُ.

مقصودن:

بارغ سیاف یغ برکات یات افیل کلوار رومه بسم الله تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ، دغن نام الله، اکر برتوکل کفد الله دان تباد دای دان کقوان ملاینکن دغن (ککواسان) الله، مک اکن دکاتکن کفدن (یایب) فارا ملاکمه مندعاهکن سسغکوهن کامو اکن دجوکوی دان اکن دلیندوغی، دان شیطان اکن منجاوهکن درقدن. {حدیث روایة إمام ترمذی}

سلاین ایت، انتارا دعاء یغ دباچ اولیه رسول الله ﷺ کتیک بکیندا کلوار دري رومه سباکیما یغ دروايتکن درقد أم سلامه رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ أَنْ أَضِلَّ أَوْ أَضِلَّ، أَوْ أَزِلَّ أَوْ أَزَلَّ، أَوْ أَظْلِمَ أَوْ أَظْلَمَ، أَوْ أَجْهَلَ أَوْ يُجْهَلَ عَلَيَّ

مقصودن:

یا الله، سسغکوهن اکر برلیندوغ کفد مو درقد ترست (درقد فتونخومو)، اتاو اکر دسستکن، اتاو اکر ترکلینجر (درقد کبرن)، اتاو اکر دکلیجرکن، اتاو اکر برلاکو ظالم، اتاو اکر دظالمی، اتاو اکر ملاکوکن کجاهلن، اتاو اورغ لاین ملاکوکن ترهادفکو. {حدیث روایة إمام أبو داود}

کلوا: کتیک منیبکی کندرآن اتاو مولاکن فرجالن جاوه، کیت هندقله ممیاساکن ممیاج دعاء، انتاران:

سُبْحَانَ الَّذِي سَخَّرَ لَنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ، وَإِنَّا إِلَىٰ رَبِّنَا لَمُنْقَلِبُونَ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ فِي سَفَرِنَا هَذَا الْبِرَّ وَالتَّقْوَىٰ وَمِنَ الْعَمَلِ مَا تَرْضَى. اللَّهُمَّ هَوِّنْ عَلَيْنَا سَفَرَنَا هَذَا وَاطْوِ عَنَّا بُعْدَهُ، اللَّهُمَّ أَنْتَ الصَّاحِبُ فِي السَّفَرِ، وَالْخَلِيقَةُ فِي الْأَهْلِ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ وَعَثَاءِ السَّفَرِ وَكَآبَةِ الْمُنْظَرِ، وَسُوءِ الْمُنْقَلَبِ فِي الْمَالِ وَالْأَهْلِ

مقصودن:

مها سوچی الله یغ تله مودهکن کندرآن این اونتوق کامی سداغ کامی سیلوم این تیدق بردای مغواسلین. دان سسغکوهن کامی تنو اکن کمبالی کفد توهن کامی. یا الله، کامی موهون کفد مو دالم فرجالن این، بروفا کباجقن دان تقوی، سرتا عمل یغ اغکاو رضای. یا الله، مودهکنله باکی کامی دالم فرجالن این دان دککنله جارکن. یا الله، اغکاوه سباک-بایک ثمن فرجالن دان سباک-بایک-بایک قریلندوغ باکی کلوارک (کو). یا الله، اکر برلیندوغ کفد مو دري کسوسهن فرجالن، کبوروقن فنداغن، دان بنجان یغ مینمقا هرتا دان کلوارک (کو).

جماعه یغ درحمتی الله،

موده-مودهن دغن مغمکلن دعاء ترسبوت، کیت سموا اکن منداقت کسلامتن دان ترهیندر دري سبارغ بهای دان مالفتاک کتیک براد دالم فرجالن. ماریله کیت سنتیاس برهاتی-هاتی، جاجن دسیبکن اولیه کللالین دان کسلافرن کیت، اکن ممباوا فاده کفد دیری سندیری ماهوقون کفد اورغ لاین افته لاکي هیغک ممیکن کهبیغن یاوا. آخرن، سام-سامله کیت بردعاه سموک کیت سموا دهیندرکن دري قرکارا-قرکارا یغ تیدق دایغینی دان سنتیاس براد دالم قریلندوغن دان رحمة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. آمین یا رَبِّ الْعَالَمِينَ.

تفسیرن:

سوفای کامو براد تنف داتسن کمودین کامو مغایشت نعمت توهن کامو افیل کامو براد تنف داتسن سرتا کامو (برشکور دغن) مغوجشکن: مها سوچی الله یغ تله مودهکن کندرآن این اونتوق کامی سداغ کامی سیلوم این تیدق بردای مغواسلین. دان سسغکوهن کامی تنو اکن کمبالی کفد توهن کامی. {سورة الزخرف آیه: ۱۳-۱۴}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَفَعَّلْنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَاسْتَغْفِرِ اللَّهُ الْعَظِيمُ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَبِأَفْوَزٍ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّاسِينَ.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ اخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأُمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ
سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمَّا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا
فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ
اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضُ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتَقَضٰى بِهٖ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ،
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اَسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذُنُوبِيْ،
فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قثعملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahaminya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



**JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Sebut harga Bagi Perkhidmatan / Pembekalan:
Renovation Work For Administrative Office At The Brunei Darussalam Meteorological Department Headquarter

Sebut Harga Bilangan:
JKBD / 2025 / SH-19

Tarikh Tutup:
Rabu, 3 Disember 2025
Jam 9.00 pagi.

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa Sebut harga Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam Aras Bawah, Blok B23, Flat Anggerek Desa Simpang 32-37, Kampung Anggerek Desa BB3713, Negara Brunei Darussalam



Tawaran Bagi
To Supply, Delivery And Install The Monitor Display System For Real-Time Observation Operations At Weather Forecast Centre, Brunei Darussalam Meteorological Department

Bilangan Tawaran:
JKBD / 2025 / SH-21

Tarikh Tutup:
Rabu,
10 Disember 2025

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa Sebut harga Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam Aras Permukaan, Blok B23 Flat Anggerek Desa, Simpang 32-37, Kampung Anggerek Desa, Mukim Berakas BB3713 Negara Brunei Darussalam



Sebut Harga bagi Perkhidmatan / Pembekalan:
The Supply, Fabricate, Deliver And Install Of Double-Sided External Block Pylon Signages To The Brunei Darussalam Meteorological Department

Bilangan Sebut Harga:
JKBD / 2025 / SH-01

Tarikh Tutup:
Rabu, 3 Disember 2025
Jam 9.00 pagi.

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa Sebut harga Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam Aras Bawah, Blok B23, Flat Anggerek Desa Simpang 32-37, Kampung Anggerek Desa BB3713, Negara Brunei Darussalam



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

36 / BBS / SH / BKA / 2025 – 2026

Kerja-Kerja Pembaikan Kerosakan Pada Gerai Makan Umum No: 9, Gerai Bunga Simpung, Jalan Bunga Simpung Kuala Belait

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas I dan II Kategori KA01)

Yuran Tawaran
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
25 November 2025 (Selasa)



37 / BBS / SH / BKA / 2025 – 2026

Kerja-Kerja Membekal, Membuka dan Mengganti Baharu Pendingin Hawa Di Bangunan Utama Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria, Jalan Mckerron Kuala Belait

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas I dan II - Kategori M01)

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
25 November 2025 (Selasa)



**KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Sebut Harga:
Leasing Of 4 Units Multi Function Photocopy Machine (Print, Copy, Colour Scan And Email) Together with Configuration, Testing and Training for the period of three (3) years At The Ministry Of Transport And Infocommunications, Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
KP(MC)SUT / 6.12 / ASET / 03 / 2025



Tarikh Tutup dan Waktu:
Rabu, 3 Disember 2025
Jam 2.00 petang

Yuran Sebut Harga:
BND5.00



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Sebut Harga:
(136) INFO / PK / K / 7 (2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja Penyelenggaraan Kenderaan Jabatan Penerangan Mitsubishi Pajero GL 2.8 Diesel - BG 4461.

Yuran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Khamis, 4 Disember 2025
Jam 8.00 Pagi



Bilangan Sebut Harga:
(137) INFO / PK / K / 7 (2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja Penyelenggaraan Kenderaan Jabatan Penerangan Mitsubishi Pajero GL 2.8 Diesel - BG 2001.

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup :
Khamis, 20 November 2025
Jam 8.00 Pagi



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0052 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
To Supply And Deliver Water Quality Monitoring Equipment For Aquaculture Industry Division, Department Of Fisheries, Serasa

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0053 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
To Provide Renovation Works Of Laboratory Room Facilities, Block D, Muara Fisheries Complex, Department Of Fisheries

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0054 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
To Supply And Delivery Of Personnel Dive Gears And Safety Equipment For Fisheries Department Staffs

Tarikh Tutup:
Khamis, 4 Disember 2025



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada 'Architect Consultancy' yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
Selasa, 18 November 2025

Tarikh Tutup:
Selasa,
25 Disember 2025
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 17 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ) For Architect Consultancy Services For Consortium Under Architect Consultant For Penaiktarafan Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait
a. Pembinaan Bangunan Blok Baharu Pembedahan
b. Pembinaan Rehabilitasi Dewasa & Kanak-Kanak

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)



**KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Divisyen Pengurusan Korporat
Kementerian Pembangunan**

Bil. Sebut Harga:
(09) KPN / DPK / PROC / 2024 / 2025

Tajuk:
Pembekalan Sistem Pengumuman Awam (PA SYSTEM) dan Mikrofon Persidangan (Conference Microphone) Di Bangunan Kementerian Pembangunan

Bayaran Yuran Dokumen Sebut Harga:
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:
Sabtu, 1 November 2025

Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran (Secara Atas Talian):
Khamis, 20 November 2025

Tarikh Tutup Menghantar Dokumen:
Isnin, 24 November 2025
Jam 9.00 pagi





KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

1. Bilangan Sebut Harga:
15 / MFA-ICC-Q / 2025-26

Tajuk Sebut Harga:
To Supply And Delivery New Banquet Chair At International Convention Centre, Berakas, Ministry Of Foreign Affairs, Brunei Darussalam

2. Bilangan Sebut Harga:
16 / MFA-ICC-Q / 2025-26

Tajuk Sebut Harga:
To Supply And Delivery New Leather Chair For VIP At International Convention Centre, Berakas, Ministry Of Foreign Affairs, Brunei Darussalam

3. Bilangan Sebut Harga:
17 / MFA-ICC-Q / 2025-26

Tajuk Sebut Harga:
To Supply And Delivery New Foldable Banquet Roundtable At The International Convention Centre, Berakas, Ministry Of Foreign Affairs, Brunei Darussalam

4. Bilangan Sebut Harga:
18 / MFA-ICC-Q / 2025-26

Tajuk Sebut Harga:
To Supply And Delivery New Coffee Table For VIP At The International Convention Centre, Berakas, Ministry Of Foreign Affairs, Brunei Darussalam

Bayaran Yuran Dokumen:
BND5.00 setiap dokumen (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 3 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
08 / ASSET.MFA / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Installation Works Of New Insulated Walls And Associated Works For The Network Switcher Room, Ministry Of Foreign Affairs

Bayaran Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 3 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
MFA / SEC / 10 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
The Supply, Rental, Delivery, Training, And Maintenance Of Push-To-Talk Over Cellular (POC) Walkie-Talkie At Ministry Of Foreign Affairs

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
3 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



JABATAN PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI

1. Rujukan Tawaran:
POS / T / 34 / JPP / 2025 - 2026
Penyediaan Portable Cabin Pengawal Keselamatan Di Pejabat Besar Pos, Bandar Seri Begawan

2. Rujukan Tawaran:
POS / T / 35 / JPP / 2025 - 2026
Kerja-Kerja Menaiktaraf Ruang Sewa Di Pejabat Pos Sengkuring

Tarikh Tutup:
Selasa, 25 November 2025



Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Pengangkutan dan Komunikasi, dengan ini mempelawa orang ramai untuk memohon menjadi Wakil Pos bagi **Kampung Labi**.

Borang permohonan boleh diperolehi:
Bahagian Pentadbiran dan Kewangan,
Tingkat 1, Bangunan Pejabat Pos Besar, Jalan Elizebeth II, Bandar Seri Begawan, BA8610

Tarikh Tutup:
Selasa, 2 Disember 2025



Tempat Tutup :

Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat dengan Kementerian Pembangunan dalam KELAS 2, 3 ATAU 4, dalam Kategori E02 dan mempunyai pekerja yang berdaftar dengan JPE dalam kategori E02.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Bilangan Tawaran:
16 / JULY / 2025 / KKBS / SECURITY / OBBD (R)

Tajuk Tawaran:
Membekalkan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bagi Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan Untuk Bangunan Kompleks Kem Latihan Outward Bound Brunei Darussalam, Kampung Batang Duri, Daerah Temburong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam (Retender)

Tarikh Tutup:
Selasa, 25 November 2025



Bilangan Sebut Harga:
30 / NOV / 2025 / KKBS / PJK / 16.91

Tajuk Sebut Harga:
Mechanical And Electrical Term Maintenance For A Period Of Thirty-Six (36) Months For:
1) Ministry Of Culture, Youth And Sports Building;
2) Sinarubai Storage Area; And
3) Flat B18 Anggerek Desa

Tarikh Tutup:
Selasa, 2 Disember 2025



UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM

Bil. Tawaran:
UBD / E8 / 003 / 2025 – (T)

Keterangan:
Renovation Works To Student Affairs' Canteen, Universiti Brunei Darussalam

Bayaran Dokumen dan Pentadbiran :
(Termasuk e-Dokumen)
BND 55.00 [Tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup:
Selasa, 2 Disember 2025



Dua (2) Hari

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu,
22 November 2025
(Jam 9.00 Pagi)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Secara Terbuka Bagi Pengendalian Kursus Modular Bagi Tahun Kewangan 2025 / 2026

DA / JKSH / 115 / 2025 / 2026 [HRD-NOV-2025]
Sebut Harga Pengendalian Kursus Modular Tahun Kewangan 2025 / 2026 Bagi: Microsoft Excel Course For Beginners

Jumlah Hari Kursus:



JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI

Jemputan Untuk Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 068 / 2025

Tajuk:
Selective Wayleave Clearing Of 11KV Rated Slimpoles Overhead Line For Bukit Sawat - Merangking Segment, Mukim Bukit Sawat For A Period Of 3 Years

Tarikh Tutup:
25 November 2025
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

Harga Dokumen:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)


**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**
**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**

03 / KKBS / HK42 -2026
Membekal Kain Rentang
Sambutan Ulang Tahun Hari
Kebangsaan Negara Brunei
Darussalam Yang Ke-42,
Tahun 2026

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Khamis,
27 November 2025
Jam 2.00 Petang


**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**

04 / KKBS / HK42 -2026
Supply, Install And Dismantle Of
New Lamp Post Banner
In Conjunction With 42nd Brunei
Darussalam National Day
Celebration 2026

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Khamis,
27 November 2025
Jam 2.00 Petang


**PUSAT PENGURUSAN
BENCANA KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
(23) NDMC / TSH / 2025-2026
Sebut Harga Pembekalan Alat
Ganti Baharu Serta
Pemasangan Sistem Brake
Actuator ASSY Bagi Kenderaan
National Disaster Management
Centre (NDMC) Toyota Hilux
BG3800

Tarikh Tutup Tawaran:

Rabu,
26 November 2025
Jam 2.00 Petang


**JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**
Tawaran Bilangan:

JDBM / Q / 75 / 2025

Tawaran:

Kerja-Kerja Membaik Pulih
Kerosakan Flat F15 dan F30,
Jabatan Daerah Brunei dan
Muara, Jalan Lapangan Terbang
Lama Berakas, Negara Brunei
Darussalam.

Tarikh Tutup:

Selasa,
2 Disember 2025


**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**
Notis Sebut Harga
**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**

RTB / K / 129 / 25-26
Penyewaan, Pemasangan,
Pengendalian Dan Pembongkaran
Skrin LED Serta Pembuatan
Grafik Untuk Rancangan TV,
Bahagian Rancangan TV,
RTB

Bayaran Yuran:

BND5.00
(tidak dikembalikan)

Salinan Kertas:

BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:

Rabu,
19 November 2025,
Jam 2.00 Petang


KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU /
TA / PEN / 001
[JPPK / LTN / 01 / 2024]
Five (5) Years Term Contract For
The Facilities Management And
Maintenance Of Special Forces
Regiment, Penanjong Garrison,
Royal Brunei Armed Forces,
Ministry Of Defence, Brunei
Darussalam

Kelas:
V dan Ke Atas Sahaja

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Lima (5) Tahun

Yuran Tawaran:
BND1,005.00
(Yuran tawaran = BND1,000.00 +
Yuran e-dokumen = BND5.00)
(Tidak dikembalikan)

**Yuran Dokumen
(MINDEF SOR 2019)**
(Tidak Dikembalikan):
BND500.00 satu set (dalam
bentuk CD)*

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah Jumaat, 2
Januari 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 13 Januari 2026


**JABATAN KASTAM DAN
EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Rujukan Tawaran:
JKED / TAWARAN / UPA / BL / Q
/ 2025 - 40

Comprehensive Planned
Preventive Maintenance And
Training For RCED Officers
For Nuctech FS60000
Fast Scan Container / Vehicle
Inspection System
For Royal Customs And Excise
Department

Tarikh Tutup:
25 November 2025


**PEJABAT KEBAWAH DULI YANG
MAHA MULIA PADUKA
SERI BAGINDA SULTAN
DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Pejabat Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara
Brunei Darussalam**

Rujukan Tawaran:
HMO / V-LEASING / 2025

Tajuk Tawaran:
Vehicle Leasing Services for the
Office of His Majesty the Sultan
and Yang Di-Pertuan of Brunei
Darussalam

Tarikh Tutup:
Rabu,
17 Disember 2025


**MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan**

KES NO. BCY / CP / 177 / 2025

**PERBADANAN TABUNG
AMANAH ISLAM BRUNEI**
... Pemiutang
Penghakiman/Pemetisyen

**AWANGKU MOHAMMAD
YUSRAN BIN PENGIRAN
ISMAIL**
BYIC NO. 00-253721 ...
Penghutang Penghakiman /
Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada 11 September 2025.

Nama dan alamat terakhir
diketahui:
**AWANGKU MOHAMMAD
YUSRAN BIN PENGIRAN
ISMAIL**

No. 9, Simpang 9,
Jalan Wasai Limuru Utara,
RPN Kampung Meragang,
Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen: 13 Ogos 2025

b) Semua sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang yang
tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperolehi
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada


**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Tawaran:
DCA / CCS / 2025 / T4

Nama Tawaran:
To Develop and Operate
International Franchise Food &
Beverage Outlet At Brunei
International Airport

Tarikh Tutup:
2 Disember 2025, Selasa
Jam 2.00 petang

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Mengambil Dokumen
Tawaran:**
Mulai 3 November 2025
hingga 2 Disember 2025



Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat
Dua, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Brunei
Darussalam.

Bertarikh: 1 Oktober 2025

KES NO. BCY/CP/177/2025

**PERBADANAN TABUNG
AMANAH ISLAM BRUNEI**
... Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**AWANGKU MOHAMMAD
YUSRAN BIN PENGIRAN
ISMAIL**
BYIC NO. 00-253721
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN
PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh 11 September 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
Pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8),
Mahkamah Besar pada 28
Oktober 2025 jam 9.00 pagi.

Bagi membolehkan kamu
mengundi disana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan
digunakan di perjumpaan ini
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang telah
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi

>> Muka 16

penghutang adalah ditetapkan pada 28 Oktober 2025 jam 9.00 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh: 1 Oktober 2025

KES NO. BCY / CP / 105 / 2025

PENGIRAN IZAD AND LEE

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

HAJI DARRYL AIDIN BIN HAJI MAIDIN

BYIC NO. 00-274000

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 14 Ogos 2025.

Nama dan alamat terakhir diketahui:
HAJI DARRYL AIDIN BIN HAJI MAIDIN

No. 18A, Simpang 160-18, Jalan Pasir Berakas, Kampung Lambak B, Mukim Berakas A. BB 1214. Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen: 12 Jun 2025

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh: 30 September 2025

KES NO. BCY / CP / 105 / 2025

PENGIRAN IZAD AND LEE

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

HAJI DARRYL AIDIN BIN HAJI MAIDIN

BYIC NO. 00-274000

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 14 Ogos 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8), Mahkamah Besar pada 27 Oktober 2025 jam 10.00 pagi.

Bagi membolehkan kamu

mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 27 Oktober 2025 jam 10.00 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh: 30 September 2025

MUHAMMAD SYAFIQ BIN AWANG HAJI ZAKARIA

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

b/p Penerima Rasmi Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 10 / 2025

PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

PG MOHD NAZZRULHAIRY BIN PG HAJI OTHMAN

BYIC No. 00-277848

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 24 Mei 2025.

Nama dan alamat terakhir diketahui:
PG MOHD NAZZRULHAIRY BIN PG HAJI OTHMAN

No. 8, Jalan 64, Simpang 57-10, Perpindahan Lambak Kanan, Berakas BC2315, Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen: 15 April 2025

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh: 27 September 2025

KES NO. BCY / CP / 10 / 2025

PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

PG MOHD NAZZRULHAIRY BIN PG HAJI OTHMAN

BYIC No. 00-277848

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 24 Mei 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L1-17), Mahkamah Besar pada 15 November 2025 jam 9.15 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 15 November 2025 jam 9.15 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh: 27 September 2025

FATIN FIKRIYAH BINTI HAJI ROSLI

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar

KES NO. BCY/CP/15/2025

PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

FIRDAUS BIN MOHAMAD ALI

BYIC No. 00-280078

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 13 September 2025.

Nama dan alamat terakhir diketahui:
FIRDAUS BIN MOHAMAD ALI

No. 47, Spg. 637-35, Perumahan Rakyat Jati Lambak Kiri, Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen: 19 Ogos 2025

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi diPejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas

hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Tarikh: 1 Oktober 2025

KES NO. BCY / CP / 15 / 2025

PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI

...Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

FIRDAUS BIN MOHAMAD ALI

BYIC No. 00-280078

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 13 September 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-17), Mahkamah Besar pada 18 November 2025 jam 9:00 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 18 November 2025 jam 9:00 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Tarikh: 1 Oktober 2025

RAIHAN NABILAH BINTI HAJI AHMAD GHAZALI

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

b/p Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 34 / 2023

BAIDURI FINANCE BERHAD

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

ABD QAWI BIN ABDULLAH GHANI

(RBPF IC No. 108254U / RBAF APO. 6119)

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 18 September 2025.

Nama dan alamat terakhir

diketahui:

ABD QAWI BIN ABDULLAH GHANI

No. 17, Simpang 21, Jalan 24-26, Perumahan Kg. Rimba, Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen: 23 Mei 2023

b) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Tarikh: 2 Oktober 2025

KES NO. BCY / CP / 34 / 2023

BAIDURI FINANCE BERHAD

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

ABD QAWI BIN ABDULLAH GHANI

(RBPF IC No. 108254U / RBAF APO. 6119)

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 18 September 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 1 November 2025 jam 9:15 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 1 November 2025 jam 9:15 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Tarikh: 2 Oktober 2025

MUHD MUZAKKIR BIN HAJI ZAKARIA

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

b/p Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

IMBASAN MINGGUAN



PERSEMBAHAN daripada murid-murid Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) pada Majlis Penyampaian Hadiah, Sijil-sijil Akademik dan Konsert Taman Asuhan Dua bagi Tahun 2025 yang berlangsung di Dewan TASKA YSHHB. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.

ANTARA persembahan tradisi semasa Majlis Perasmian Mesyuarat Ke-40 Kumpulan Kerja Produk Farmaseutikal (Pharmaceutical Product Working Group - PPWG) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan yang diteruskan dengan Jamuan Makan Malam diadakan di Dewan Songket 1, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.



SEBAHAGIAN kontinjen negara yang menyertai Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Ke-14 (ASG14) Tahun 2025 dan Negara Brunei Darussalam merupakan tuan rumah kejohanan pada tahun ini. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

ANTARA aksi perlawanan akhir Kejohanan Badminton di Antara Kementerian-kementerian sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam kali Ke-32, Tahun 2025 bertempat di gelanggang badminton Kompleks Sukan Tutong. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



SESI senamrobik sebelum bermulanya King's Baton Relay yang meliputi jalan-jalan di ibu negara sejauh 3.6 kilometer sempena sebahagian daripada persediaan menuju Sukan Komanwel Glasgow 2026. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

ROMBONGAN Japan Council of Local Authority for International Relations (J.CLAIR) berkesempatan mengenali secara dekat produk-produk makanan keluaran penduduk kampung tempatan semasa Program Bedudun ke Pusat Aktiviti Pelancongan Seri Tanjung, Majlis Perundingan Kampung Sungai Bunga, di sini. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

HARI KELUARGA SEMPENA JUBLI DELIMA SM MENGLAIT



SUASANA Program Hari Keluarga sempena Sambutan Jubli Delima penubuhan Sekolah Menengah Menglait, Gadong (atas), manakala gambar atas kanan, Simulasi Keselamatan dalam Kecemasan yang dikendalikan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.

MENGLAIT, Sabtu, 15 November. - Sekolah Menengah (SM) Menglait, Gadong mengadakan Program Hari Keluarga sempena Sambutan Jubli Delima penubuhannya yang berlangsung di SM Menglait, Gadong, hari ini.

Hadir merasmikan program tersebut ialah Pengetua Sekolah berkenaan, Pengiran Hajah Norhasima binti Pengiran Haji Hassan. Pelbagai aktiviti diadakan bagi memupuk semangat kerjasama dan keharmonian antara penuntut, guru dan ibu bapa.

Acara kemuncak Hari Keluarga kali ini diisikan dengan Simulasi

Keselamatan dalam Kecemasan yang dikendalikan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP).

Dalam sesi tersebut, anggota JBP menunjukkan tatacara menyelamatkan diri semasa kebakaran, teknik penggunaan alat pemadam api mudah alih (*fire extinguisher*) serta langkah evakuasi bangunan secara teratur dan selamat.

Demonstrasi turut disertakan dengan simulasi sebenar panggilan kecemasan dan tindakan pantas anggota bomba dalam mengawal situasi bahaya dengan bantuan Fire Marshal sekolah yang terlatih.

Program ini bukan sahaja memberikan pengalaman berharga kepada penuntut dan guru, malah meningkatkan kesedaran seluruh komuniti sekolah terhadap kepentingan kesiapsiagaan menghadapi sebarang kecemasan.

Acara kemudian diteruskan dengan Sukaneka Keluarga, Jerayawara Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta Jerayawara Jabatan Perhutanan yang bertujuan untuk memberikan pengisian ilmiah kepada para penuntut.

Selain itu, Hari Keluarga tersebut turut memberi penekanan terhadap



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

aspek kesedaran kesihatan melalui reruai dan aktiviti promosi kesihatan yang dianjurkan bersama pihak jawatankuasa kesihatan sekolah.

Program ini bertujuan mendidik penuntut agar lebih peka terhadap kepentingan penjagaan kesihatan diri, termasuk pemakanan seimbang, aktiviti fizikal dan kebersihan persekitaran.

Hari Keluarga itu turut dimeriahkan dengan pelbagai reruai jualan oleh penuntut, guru serta vendor-vendor terpilih. Reruai ini bertujuan untuk melestarikan kuih-muih tradisional Brunei seperti kuih puteri mandi, kuih lenggang,

bahulu dan kelupis yang kian dilupakan generasi muda.

Selain memperkenalkan keunikan warisan kuliner tempatan kepada warga sekolah dan ibu bapa, aktiviti ini juga memberi peluang kepada penuntut untuk mendidik diri dalam bidang keusahawanan kecil-kecilan.

Secara tidak langsung, reruai ini bukan sahaja memupuk semangat kerjasama dan tanggungjawab, tetapi turut menyemai nilai Melayu Islam Beraja dalam kalangan penuntut agar terus menghargai budaya, agama dan identiti bangsa Brunei.

Penandatanganan MoU memperluas kerjasama satelit BIMP-EAGA



PENANDATANGANAN dan pertukaran MoU berkenaan menekankan komitmen bersama semua pihak untuk memperluas kerjasama serantau dan mempercepatkan penggunaan keupayaan satelit dan pemerhatian bumi yang bersedia untuk masa depan di seluruh BIMP-EAGA.

Siaran Akhbar dan Foto : Network Integrity Assurance Technologies Sdn. Bhd.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 November. - Dalam usaha memperkukuh perannya di rantau ini, Network Integrity Assurance Technologies (NIAT) Sdn. Bhd. terus memajukan komunikasi satelit dan keupayaan pemerhatian bumi melalui kerjasama strategik melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan LatConnect 60 (LC60) dan MEASAT Global Berhad.

Majlis menandatangani MoU berlangsung semasa 28th Brunei Darussalam - Indonesia - Malaysia - Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA) Senior Officials

and Ministerial Meetings pada Khamis, 13 November 2025, di Dewan Utama Hotel Dusit Thani, Davao, Republik Filipina.

Menandatangani bagi mewakili pihak NIAT Sdn. Bhd. ialah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Lim Ming Soon.

Manakala, menandatangani bagi pihak LC60 ialah Ketua Perdagangan ASEAN dan Malaysia, Awang Ludfi Jaafar sementara Pengarah Jualan Kanan, Kenneth Yong menandatangani bagi pihak MEASAT.

Turut hadir pada acara tersebut ialah wakil-wakil dari

Kementerian - kementerian di Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh InfoCom Federation Brunei (IFB).

Delegasi NIAT turut disertai oleh Ketua Pembangunan Perniagaan dan Pemasaran, Awang Achmed Ashley bin Jeffre dan Ketua Pembangunan Produk dari NIAT Sdn. Bhd., Emily Yong Pey Pey.

MoU ini mewujudkan rangka kerja kerjasama bagi ketiga-tiga organisasi untuk secara bersama meneroka dan menyediakan perkhidmatan satelit Orbit Bumi Rendah (LEO) dan penyelesaian pemerhatian bumi untuk keselamatan darat dan maritim serta sektor pertanian yang disesuaikan untuk rantau BIMP-EAGA.



Didenda, gagal membayar caruman pekerja

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 November. - Seorang Majikan Montessori Playhouse dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND800 bagi setiap pertuduhan oleh Mahkamah Majistret, kerana gagal membayar caruman pekerja di bawah Bab 26 Akta Amanah Pekerja (Penggali 167) dan Bab 29 Perintah Amanah Pencen Caruman Tambahan, 2009.

Majistret Kanan, Dewi Norlelawati binti Haji Abd. Hamid menjatuhkan hukuman denda terhadap Dayang Siti Salwa binti Haji Noor Ismadi dan mengarahkan membayar tidak lewat 15 Mac 2026.

Mengikut pertuduhan pertama, defendan telah melakukan kesalahan pada bulan Oktober 2016 kerana gagal membayar caruman kepada Tabung Amanah Pekerja (TAP) berjumlah BND80. Manakala, bagi pertuduhan kedua, defendan melakukan kesalahan pada Disember 2016 kerana gagal membayar caruman kepada TAP berjumlah BND29.75 dan pertuduhan ketiga pada bulan Ogos 2023, gagal membayar caruman kepada TAP berjumlah BND91.

Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nurulatikah binti Haji Husaini.

Penandatanganan dan pertukaran MoU ini menekankan komitmen bersama semua pihak untuk memperluas kerjasama serantau dan mempercepatkan penggunaan keupayaan satelit dan pemerhatian bumi yang bersedia untuk masa depan di seluruh BIMP-EAGA.

Selain daripada penandatanganan MoU, wakil-wakil NIAT juga turut serta dalam perbincangan strategik, sesi rangkaian, dan lawatan tapak bersama pemimpin industri, wakil kerajaan, serta pihak

berkepentingan BIMP-EAGA.

Penglibatan ini membuka peluang untuk kerjasama yang lebih mendalam dan membantu mengenal pasti inisiatif bersama pada masa hadapan di seluruh rantau.

Selain itu, ini mengukuhkan jejak serantau NIAT dan memperkukuhkan peranannya yang semakin berkembang sebagai salah satu penyumbang utama dalam memajukan komunikasi satelit dan inovasi geospatial di BIMP-EAGA dan seterusnya.



LINDUSTRI KOTEJ

Gula-gula kristal memukau pandangan

Oleh : Norlia Md. Zain

Foto : Ihsan Nectarines Gems

GULA-gula kristal atau Kohakuto adalah satu produk tradisi Jepun yang semakin mendapat perhatian terutama dalam kalangan golongan muda-mudi. Apa lagi rupa gula-gula ini sangat cantik dan comel dapat disaksikan pada media-media sosial dan banyak mempengaruhi yang telah membuat review mengenainya.

Kali ini penulis mendekati seorang pengusaha gula-gula kristal, Dayang Natasha Ng Alvarez di bawah syarikatnya Nectarines Gems yang mula diusahakannya pada Oktober 2023. Walau bagaimanapun beliau sudah mula berniaga pada tahun 2016.

Sebelum berniaga beliau bekerja dalam pelbagai jawatan dalam sektor pemakanan dan minuman, dari *barista* hinggalah menjadi pelayan dan juruwang.

Nectarines Gems merupakan usaha beliau sepenuh masa yang mana beliau memberikan seluruh jiwa raga kepada setiap aspek pembuatan gula-gulanya. Kohakuto merupakan gula-gula kristal yang diperbuat daripada serbuk agar-agar. Gula-gula beliau juga adalah *vegan* dan ia adalah bebas dari gluten.

Harga produk beliau adalah bermula daripada BND5 hingga BND40.

Kebanyakan pelanggan beliau suka gula-gula beliau yang rangup apabila dimakan namun menurutnya, setiap pelanggan setentunya mempunyai cita rasa yang berbeza terhadap perisa gula-gula yang beliau jual. Ada perisa buah-buahan seperti strawberi, epal hijau, ceri, pic dan ada juga perisa lain seperti *matcha*, *popcorn*, *cheese cake* dan sebagainya.

Lazimnya pelanggan beliau adalah terdiri daripada mereka yang suka kepada gula-gula kristal terutama golongan kanak-kanak dan kaum wanita. Memandangkan rupa gula-gula kristalnya yang menarik dan comel, ia sering menjadi tarikan kepada kaum wanita yang mengandungi.

Ditanya dari mana mendapat idea memulakan perniagaan ini, beliau sebelum ini pernah berniaga kristal dengan membuka sebuah studio kristal pada waktu pandemik. Ramai pelanggan ketika itu sering berkata *"It looks so pretty, I want to eat it"*. Selepas itu beliau pun membuat carian di Internet mengenai kristal yang boleh dimakan lalu beliau pun menghasilkan gula-gula kristal. Sekarang kebanyakan pelanggan beliau pula berkata *"It's so pretty, I don't want to eat it"*.

Beliau memilih untuk berniaga gula-gula kristal ini kerana dari pengalaman bekerja sebelumnya, kebanyakan perniagaan

mudah ditiru dan dengan memilih berniaga gula-gula kristal, beliau dapat melahirkan kemahiran, fikiran dan kreativiti beliau.

Membuat gula-gula kristal ini juga memerlukan banyak masa dan sukar serta memerlukan banyak usaha tetapi beliau menikmatinya kerana setakat ini beliau sahaja yang ada melakukannya. Beliau membuat produk ini secara solo.

Beliau juga bersyukur kerana sering mendapat pelanggan yang datang kembali membeli gula-gula kristalnya yang mana akhirnya mereka menjadi rakan beliau. Sokongan mereka sangatlah mengagumkan.

Antara cabaran yang beliau hadapi ialah beliau terlalu banyak bekerja untuk mencipta gula-gula, kerana kerjanya sangat intensif dan memakan masa. Oleh itu ia memerlukan banyak usaha. Sememangnya ia adalah sesuatu yang tidak boleh beliau lupakan, betapa banyak kerja yang beliau lakukan.

Ditanya mengenai pembuatan, beliau bekerja pada awal pagi untuk mencampurkan serbuk agar-agar bersama air galian kira-kira satu jam, lalu dimasak dan selepas tiga jam barulah ia agak konsisten. Setelah itu diberikan warna dan masukkan ke dalam periuk dan menunggu lagi. Sebelah malam pula beliau akan membuat dan memotong gula-gula. Semua ini dibuat manual menggunakan tangan.

Setelah itu, ia mengambil masa dari dua ke tiga minggu untuk proses pengeringan. Untuk tempoh ini beliau menggunakan kipas angin yang sentiasa dinyalakan siang dan malam.

Sememangnya membuat gula-gula kristal ini menuntut kesabaran yang tinggi dan kreativiti juga penting agar gula-gula kristal ini nampak menarik.

Keunikan gula-gula kristal ini terletak pada penampilannya yang menyerupai batu permata berwarna-warni, teksturnya yang rangup di luar tetapi lembut di dalam, menjadikannya ia bukan sekadar makanan, tetapi juga karya seni kuliner yang tinggi.

Dengan daya tarikan visualnya yang menarik bentuk dan warna yang menyerupai kristal menjadikannya sesuai sebagai hadiah premium atau produk eksklusif. Gula-gula kristal juga meningkat popularitinya melalui media sosial, menjadikan ia produk yang relevan dengan gaya hidup golongan muda-mudi.

Gula-gula ini boleh dipasarkan kepada penggemar makanan yang unik, serta mereka yang menghargai produk yang kreatif. Bagi mereka yang ingin melihat lebih banyak karya gula-gula kristal beliau, bolehlah melayari Instagram atau Thread beliau [@nectarines.gems](https://www.instagram.com/nectarines.gems). Manakala TikTok beliau boleh dilayari dengan nama Nectarines Gems Crystal Candy.



Jadikan jalan raya selamat untuk semua

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Ihsan Pasukan Polis
Diraja Brunei

TIDAK ada hari yang berlalu tanpa mengenang orang yang disayangi yang telah pergi. Rindu yang tidak berpenghujung, itulah beban perasaan yang ditanggung orang yang ditinggalkan. Tetapi situasi seperti ini dapat dihindari jika kita mengubah sikap, sentiasa berhati-hati, tidak lalai, sentiasa peka menjaga keselamatan di jalan raya dan diakhiri dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar dihindari daripada sebarang bahaya yang tidak disedari serta memohon perlindungan daripada-Nya.

Bagi pelaku yang menyebabkan nyawa melayang disebabkan kecuaiannya awda, tanyalah diri awda sendiri, tenangkah hati, minda dan perasaan awda melihat ahli keluarga mangsa yang meratap sedih dan pilu apabila orang yang mereka sayangi pergi begitu sahaja disebabkan kecuaiannya orang lain? Tidakkah awda terfikir bagaimana nasib ahli keluarga yang ditinggalkan? Bagaimana kehidupan keluarga mangsa setelah ditinggalkan dari segi ekonomi? Dan bagaimanakah perasaan awda jika perkara yang sama berlaku kepada keluarga awda? Setentunya banyak persoalan yang bermain di dalam minda tentang nasib orang yang ditinggalkan hanya disebabkan oleh kecuaiannya sikap pemandu yang tidak bertanggungjawab.

Sementara mangsa-mangsa yang cedera pula tidak dinafikan menjadi beban kepada orang lain, termasuk juga kepada keluarga masing-masing dan bahkan juga beban kepada negara, di mana mereka itu memerlukan rawatan dan sokongan berterusan yang membabitkan perbelanjaan yang besar. Bagaimanakah cara awda untuk mengelakkan semua ini tidak terjadi?

Jadi adakah awda masih ingin menjadi pemandu yang cuai, tidak bertanggungjawab, enggan bertolak ansur atau berubah menjadi pemandu yang berhemah, patuh pada peraturan jalan raya? Semuanya terletak di tangan awda sendiri. Keselamatan dan keamanan semasa berada di jalan raya adalah tanggungjawab bersama maka untuk mengelakkan daripada sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku patuhilah peraturan di jalan raya. Ingatlah jalan raya untuk kegunaan bersama, manfaatkanlah dengan sebaik-baiknya.

Hari Memperingati Mangsa-Mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia

Hari Memperingati Mangsa-Mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia atau World Day of Remembrance for Road Traffic Victims (WDR) adalah inisiatif antarabangsa yang jatuh pada hari Ahad minggu ketiga pada bulan November setiap tahun. WDR

memberikan peluang kepada pelbagai pihak termasuk daripada agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, penyelidik dan akademik, perkhidmatan perubatan dan kecemasan, penyelamat serta masyarakat umum dalam menggariskan keutamaan dalam kesedaran Keselamatan Jalan Raya.

Kemalangan di jalan raya sering menjadi berita utama lebih-lebih lagi jika melibatkan nyawa. Meskipun begitu, berita tersebut kadang-kadang seolah-olah berlalu begitu sahaja tanpa singgah di hati dan minda untuk lebih berhati-hati semasa berada di jalan raya agar tidak ditimpa kejadian yang sama. Perlu diingat, kemalangan yang berlaku sebahagian besar adalah disebabkan oleh kecuaiannya dan kurang berhati-hati tetapi ada juga yang menjadi mangsa korban di jalan raya kerana kecuaiannya orang lain. Justeru semua orang hendaklah mengamalkan sikap bertolak ansur, bekerjasama, saling mengingati sesama pengguna jalan untuk lebih bertoleransi serta sentiasa patuh dengan peraturan di jalan raya.

Peranan media

Media juga memainkan peranan penting dalam membentuk kesedaran masyarakat tentang keselamatan jalan raya, bukan sekadar melaporkan insiden tetapi juga mendidik, mempengaruhi polisi, dan mengubah persepsi umum. Pihak media diharap dapat melaporkan masalah ini secara meluas, tepat dan bertanggungjawab dan menganggapnya sebagai satu isu yang perlu disebarluaskan agar orang ramai sedar dan peka tentang perlunya sikap pemanduan yang berhemah di jalan raya. Petugas media perlu memainkan peranan lebih besar dalam mempromosikan aspek keselamatan.

Media bukan sekadar melaporkan berita kemalangan, tetapi berfungsi sebagai ejen perubahan sosial. Dengan liputan yang mendalam dan berterusan, media mampu menyelamatkan nyawa, mengurangkan angka kemalangan, dan membentuk budaya keselamatan jalan raya yang lebih kukuh.

Dalam satu Sidang Media yang diadakan oleh Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) berlangsung di Bangunan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), mengongsikan statistik kemalangan jalan raya secara keseluruhan, rekod menunjukkan pada tahun 2020, sebanyak 1,079 kes (341 kecederaan, 11 maut); tahun 2021 sebanyak 1,043 kes (343 kecederaan, 16 maut); tahun 2022 sebanyak 1,050 kes (359 kecederaan, 18 maut); tahun 2023 sebanyak 1,118 kes (364 kecederaan, 14 maut); tahun 2024 sebanyak 1,163 kes (359 kecederaan, 13 maut) manakala sehingga Jun 2025, sebanyak 559 kes (225 kecederaan, 12 maut).

Bagi tempoh 2021-2024, jumlah kesalahan berada dalam lingkungan 14,560

hingga 18,288 kes setahun, meliputi kesalahan seperti pemandu tidak berlesen, kenderaan diubah suai tanpa kebenaran, tidak menggunakan tali pinggang keledar dan menggunakan telefon bimbit semasa memandu.

Dalam tempoh tiga tahun kebelakangan (2022 - Julai 2025), sebanyak 2,475 kesalahan melibatkan kenderaan komersial direkodkan.

Kesalahan di jalan raya yang boleh membawa maut

Antara punca kes yang melibatkan kehilangan nyawa antaranya ialah tidak menumpukan perhatian sepenuhnya ketika memandu dan juga tidak mematuhi peraturan lalu lintas jalan raya seperti memandu lebih daripada had laju,

menggunakan telefon bimbit semasa memandu, tidak berhenti ketika lampu isyarat merah dan tidak menggunakan tali pinggang keselamatan.

Kesimpulan

Keselamatan di jalan raya adalah tanggungjawab kita semua. Walaupun terdapatnya infrastruktur yang terbaik dan kenderaan yang dicipta mempunyai teknologi keselamatan yang terkini, jejantas serta laluan untuk pejalan kaki dibina, keselamatan penuh di jalan raya tidak dapat dicapai jika pengguna-pengguna jalan raya sendiri tidak mempunyai sifat bertimbang rasa dan mematuhi undang-undang serta peraturan jalan raya. Hargai nyawa awda dan orang di sekeliling kita.





HUJAN LEBAT JEJAS SELATAN CALIFORNIA, CETUS RISIKO BANJIR DAN TANAH RUNTUH

LOS ANGELES, 16 Nov. - Pihak berkuasa mengeluarkan amaran banjir di beberapa kawasan sekitar Los Angeles pada Sabtu apabila hujan lebat dan angin kencang melanda selatan California.

Perkhidmatan cuaca Los Angeles menggesa penduduk supaya berwaspada, terutama di kawasan yang terjejas akibat kebakaran hutan pada Januari lalu.

Penduduk di kawasan terlibat turut dinasihatkan supaya segera berpindah sekiranya berlaku kecemasan.

Perbandaran Santa Monica menasihatkan orang ramai mengelakkan perjalanan tidak penting dan tidak menggunakan jalan yang ditenggelami air dalam apa jua keadaan.

Beberapa sungai dan anak

sungai di California dilaporkan melimpah, manakala beberapa jalan di kawasan paling terjejas terpaksa ditutup.

Hujan lebat boleh menjadi lebih berbahaya selepas kebakaran hutan apabila tanah menjadi gundul.

Pada 2018, kebakaran hutan di kawasan Santa Barbara disusuli hujan lebat yang mencetuskan

banjir lumpur, memusnahkan ratusan rumah dan meragut lebih 20 nyawa.

Dua kebakaran utama pula memusnahkan lebih 16,000 bangunan di Los Angeles pada

awal tahun ini.

Pasukan bomba mengambil masa beberapa minggu untuk mengawal kebakaran itu, yang meragut sekurang-kurangnya 31 nyawa. - ©BERNAMA

Lelaki maut akibat selesema burung H5N1 di Kemboja

PHNOM PENH, 16 Nov. - Seorang lelaki Kemboja berusia 22 tahun meninggal dunia akibat jangkitan influenza H5N1, menurut kenyataan Kementerian Kesihatan yang dikeluarkan pada Ahad, lapor Xinhua.

"Keputusan makmal daripada Institut Kesihatan Awam Kebangsaan pada 15 November menunjukkan lelaki itu positif virus H5N1," menurut kenyataan itu.

Mangsa berasal dari Kampung

Kien Khleang di daerah Chroy Changvar, Phnom Penh.

Pihak berkuasa kesihatan sedang menyiasat punca jangkitan dan kes disyaki serta individu yang mempunyai kontak rapat dengan mangsa bagi mencegah penularan dalam komuniti.

Ubat antivirus Tamiflu (oseltamivir), yang digunakan untuk menghalang penyebaran selesema burung, turut diedarkan kepada mereka yang mempunyai

kontak langsung dengan mangsa, menurut kenyataan itu.

Kementerian Kesihatan menyeru orang ramai supaya lebih berwaspada, sambil menegaskan bahawa selesema burung masih menjadi ancaman kepada kesihatan awam.

Setakat tahun ini, negara Asia Tenggara itu merekodkan 17 kes jangkitan H5N1 dalam kalangan manusia, dengan enam kematian, menurut kementerian berkenaan. - ©BERNAMA

Angkasawan Shenzhou-20 tiba di Beijing

BEIJING, 15 Nov. - Kru Shenzhou-20 tiba di Beijing dengan pesawat pada hari Jumaat selepas menamatkan misi stesen angkasa mereka.

Tiga angkasawan, Chen Dong, Chen Zhongrui dan Wang Jie, mendarat dengan selamat di bumi di atas kapal angkasa Shenzhou-21 pada hari Jumaat. Kapsul pulang Shenzhou-21 mendarat pada jam

4.40 petang (Waktu Beijing) di tapak pendaratan Dongfeng di Wilayah Autonomi Mongolia Dalam utara Republik Rakyat China, dan semua kru telah keluar dari kapsul pulang pada jam 5.21 petang, menurut Agensi Angkasa Berawak China (CMSA).

Selepas berada di orbit selama 204 hari, ketiga-tiga angkasawan itu semuanya berada dalam

keadaan sihat, dan misi pulang itu berjaya, kata CMSA.

Kru kini akan memasuki tempoh kuarantin perubatan, dan menjalani pemeriksaan perubatan yang komprehensif dan penilaian kesihatan, kata agensi itu, sambil menyatakan bahawa mereka akan bertemu dengan pihak media di Beijing selepas tamat tempoh ini. - ©XINHUA

Jumlah kematian kemalangan bas di Stockholm meningkat kepada 3 orang

HELSINKI, 15 Nov. - Jumlah mangsa maut dalam nahas sebuah bas di Stockholm, Sweden pada petang Jumaat meningkat kepada tiga orang, menurut polis Sweden lewat Jumaat, lapor Xinhua.

Polis memaklumkan kepada Swedish Television (SVT) bahawa proses pengecaman identiti mangsa masih dijalankan dan tidak dapat dipastikan berapa lama proses itu akan mengambil masa. Tiga lagi individu, termasuk pemandu bas, masih dirawat di hospital.

Pemandu bas itu telah ditahan, namun punca kejadian masih belum diketahui. Pihak berkuasa kesihatan Stockholm memberitahu akhbar tempatan Dagens Nyheter bahawa dua daripada mangsa yang cedera dalam keadaan serius.

Kemalangan itu berlaku kira-kira 3.30 waktu tempatan (1430 GMT) di Valhallavagen, jalan raya utama di daerah Ostermalm di timur laut kawasan bandar raya Stockholm. Menurut polis, sebuah bas tanpa penumpang melanggar tiang

berhampiran hentian bas sebelum merempuh pejalan kaki di jalan raya. Polis menolak sebarang petunjuk berkaitan keganasan.

Polis berkata kes itu sedang disiasat dan pendakwa raya akan membuat keputusan sama ada pemandu berkenaan boleh dibebaskan.

Terdahulu, Perdana Menteri Sweden Ulf Kristersson menerusi hantaran di X berkata punca kemalangan masih belum jelas dan beliau menyampaikan ucapan takziah kepada mangsa serta keluarga mereka. - ©BERNAMA

Sekurang-kurangnya 6 maut dalam insiden tembakan di Rio de Janeiro

RIO DE JANEIRO, 15 Nov. - Sekurang-kurangnya enam orang terbunuh dan seorang lagi cedera pada Jumaat dalam insiden tembakan antara kumpulan penjenayah yang didakwa bermusuhan di sebuah dewan acara di bandar raya

Rio de Janeiro, menurut pihak berkuasa tempatan, lapor Xinhua.

Menurut polis, kejadian berlaku di kejiranan Honório Gurgel di utara bandar berkenaan, tempat anggota kumpulan penjenayah Comando Vermelho didakwa

sedang menganjurkan satu majlis.

Menurut siasatan awal, Terceiro Comando Puro yang merupakan seteru kumpulan itu menceroboh masuk lokasi berkenaan, mencetuskan insiden tembakan-menembak yang sengit. - ©BERNAMA

Ribut musim sejuk landa Gaza, khemah rakyat Palestin terjejas

BANDARAYA GAZA, 15 Nov. - Khemah-khemah yang menempatkan orang awam yang kehilangan tempat tinggal di Gaza gagal menahan titisan hujan pertama musim sejuk, dengan sebahagiannya koyak dan musnah, menyebabkan keluarga terdedah tanpa sebarang perlindungan, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Dalam sekelip mata, kain lusuh yang berfungsi sebagai satu-satunya tempat perlindungan mereka bertukar menjadi lopak berlumpur yang memerangkap kaki kanak-kanak dan membasahi kepala ibu-ibu yang cuba sedaya upaya melindungi baki kelengkapan tempat tidur mereka.

Ketika hujan lebat, ribuan keluarga yang kehilangan tempat tinggal berhadapan dengan satu lagi kesukaran akibat ribut, sama seperti pergelutan mereka sebelum ini yang menahan kebuluran dan serangan Israel di Semenanjung Gaza selama dua tahun.

Tanpa sebarang infrastruktur untuk bergantung, pemandangan di kem-kem menunjukkan keluarga menyusun batu dan pasir bagi meninggikan alas tidur daripada tanah manakala yang lain mencari ruang kering untuk berlindung selepas hujan.

Awal pagi Jumaat, air hujan daripada ribut itu melanda ratusan khemah dan tempat perlindungan, memburukkan lagi situasi kemanusiaan yang sudah pun kritikal akibat dua tahun serangan Israel.

Keadaan ini berlaku ketika keluarga masih terkurung di ruang sempit di belakang kawasan dikenali sebagai "garisan kuning", selepas Israel menghalang mereka daripada kembali ke rumah yang dimusnahkan semasa serangan.

"Garisan kuning" ialah garisan pengunduran pertama yang digariskan dalam fasa awal perjanjian gencatan senjata antara Israel dan Hamas yang berkuat kuasa pada 10 Oktober.

Ia memisahkan kawasan yang masih berada di bawah kawalan tentera Israel di timur daripada kawasan di barat yang dibenarkan untuk pergerakan rakyat Palestin.

Tentera Israel lazimnya menyasarkan penduduk Palestin yang menghampiri, walaupun tanpa melintasi "garisan kuning" di kawasan yang dibenarkan untuk bergerak.

Keluarga yang kehilangan tempat tinggal berdepan keadaan yang amat dahsyat akibat kekurangan keperluan asas, kesukaran mendapatkan bekalan penting serta kekurangan serius perkhidmatan penting di bawah sekatan Israel yang berterusan.

Kebanyakan orang awam yang kehilangan tempat tinggal bergantung kepada khemah usang sebagai tempat perlindungan. Pejabat media kerajaan Gaza menganggarkan sekitar 93 peratus khemah penempatan tidak lagi sesuai didiami, iaitu kira-kira 125,000 khemah daripada 135,000.

Dalam keadaan yang amat sukar ini, Abu Alaa, seorang warga Palestin, berkata beliau tidak tahu apa yang perlu dilakukan selepas khemahnya dinaiki air, rumahnya di utara Gaza musnah manakala tentera Israel menghalangnya daripada kembali ke sana.

"Khemah dan kelengkapan tidur kami penuh dengan air hujan," katanya kepada Anadolu, sambil menjelaskan bahawa beliau kini memerlukan khemah dan tempat perlindungan baharu kerana tidak mempunyai tempat lain untuk pergi.

Mohammed al-Jarousha turut berdepan nasib sama. Menghadapi masalah kewangan yang teruk, beliau berkata tidak mampu membeli plastik untuk menutup khemah kanvasnya yang cepat dipenuhi air ketika ribut.

"Kami perlukan penyelesaian. Kami melalui genosid dan kini satu lagi. Tiada siapa yang memberi perhatian walaupun keadaan tragis yang kami hadapi," katanya.

Bagi Sabir Qawas, dengan anak perempuannya berusia dua tahun menghidap kanser, ribut itu mendatangkan lebih banyak kesukaran apabila khemah mereka runtuh akibat hujan.

Qawas berkata kepada Anadolu bahawa beliau kini tinggal di jalanan dan tidak mampu membeli khemah baharu, dan tiada mana-mana organisasi tampil menghulurkan bantuan.

Sepanjang hampir dua tahun serangan tentera rejim, puluhan ribu khemah telah rosak akibat serangan udara Israel atau musnah kerana faktor semula jadi termasuk angin kencang musim sejuk.

Israel telah membunuh lebih 69,000 rakyat Palestin, kebanyakannya wanita dan kanak-kanak dan mencederakan lebih 170,000 yang lain dalam serangan di Semenanjung Gaza sejak Oktober 2023. - ©BERNAMA

4X4 BROTHERHOOD CHALLENGE MENGHIMPUNKAN PARA PEMINAT KERETA TAHAN LASAK

■ Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Ahad, 16 November. - Awang Norjamie bin Pakai (pemandu utama) dan Awang Birosleh bin Abi (pemandu bersama) dinobatkan sebagai juara Kategori Super Novice bagi Acara 4x4 Brotherhood Challenge 2025.

Manakala, juara bagi Kategori Hardcore pula diraih oleh Max Ben (pemandu utama) dan Lee Jun (pemandu bersama).

Cabaran berkenaan telah berlangsung selama tiga hari yang bermula pada 14 November 2025.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Hadiah bagi cabaran berkenaan, Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad, pada majlis yang berlangsung di Dewan Bukit

Beruang, di sini.

Terdahulu, majlis bermula dengan ucapan alu-aluan dari Yang Di-Pertua, Team Terrain Kilometre (TTK) Offroad and Adventure, Michael Tza Khiong, disusuli dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Acara 4x4 Brotherhood Challenge 2025 berkenaan adalah anjuran TTK Offroad and Adventure yang mempertandingkan sebanyak dua kategori, iaitu Kategori Super Novice yang menerima penyertaan sebanyak 14 buah kereta (semua peserta tempatan), manakala Kategori Hardcore pula menerima penyertaan sebanyak 13 buah kereta, sementara dua buah peserta dari luar negeri, iaitu

PENOLONG Pegawai Daerah Tutong menyampaikan hadiah kepada juara Kategori Super Novice bagi Acara 4x4 Brotherhood Challenge 2025. Sementara gambar bawah kiri, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

Sabah.

Timbalan Yang Di-Pertua, TTK Offroad And Adventure, Dayang Zarina binti Jahali semasa ditemu bual menjelaskan antara lain tujuan cabaran berkenaan diadakan adalah bagi menghimpunkan para peminat kereta tahan lasak termasuk kalangan belia-belia yang baharu berjinak-jinak dengan 4x4 selain memberi peluang kepada mereka untuk berlumba dalam menimba pengalaman.

Di samping itu, beliau juga menjelaskan mengenai persiapan dari segi pengurusan dan kebenaran daripada agensi-agensi yang terlibat dan juga persediaan yang lain.

Tambahnya, ia mengambil masa tiga bulan termasuklah persediaan tempat perlumbaan selain beberapa persiapan telah dibuat untuk membuat perancangan track dan campsite.

"Track lumba kebiasaannya dibuat secara spontan.

"Kami mencari pemenang yang mempunyai point yang paling atas sekali di samping melihat kecepatan masa setiap kereta lumba.



"Cabaran kami semasa acara ialah cuaca hujan dan kawasan tempat pelaluan kereta tanahnya semakin licak", ujarnya lagi.

Menyentuh mengenai perancangan pula, beliau

menjelaskan, pertubuhan TTK Offroad and Adventure merancang akan memasukkan acara berkenaan ke dalam perancangan aktiviti tahunan pertubuhan tersebut bagi 2026.



جائز فرانسيس بكونوس دان ستانيسليك
HARGA PERAKAAN KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak

SM SMJA rangkul semula piala rebutan



■ Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 November. - Pasukan Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA) pagi tadi menang tipis ke atas Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin (SOAS) dengan keputusan yang berakhir 2 - 1, sekali gus menjuarai Pertandingan Bolasepak Piala Rebutan SMJA-SOAS kali Ke-3 yang berlangsung di Padang SM SMJA, Bandar Seri Begawan, di sini.

SM SMJA membuka tirai jaringan pada minit ke-30 melalui

sepakan tepat Awang Muhd. Danial Hisyamudin bin Aming, yang berjaya mengecewakan penjaga gol Maktab SOAS.

Sepakan berkenaan memberikan keyakinan kepada pasukan tuan rumah yang mendominasi permainan.

Jaringan kedua SM SMJA hadir pada minit ke-65 hasil daripada usaha gigih Awang Ahmad Ameen bin Haji Omar Ali Aziz, yang meledak bola ke dalam gawang lawan, sekali gus meletakkan kedudukan 2 - 0 buat pasukan tuan

PASUKAN Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin menghadapi saingan sengit daripada pasukan Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam, yang berjaya merangkul Piala Rebutan pada pertandingan bola sepak berkenaan (kiri, kanan dan bawah kanan).

rumah.

Walau bagaimanapun, pasukan Maktab SOAS tidak berputus asa.

Mereka membalas jaringan pada masa kecederaan (minit ke-72) melalui Awang Muhd. Khairul Haikal Amirul Haziq bin Mohd. Khairul Faridzal.

Pada pertandingan berkenaan, pemain tengah SM SMJA, Awang Muhd. Al Nazirul Mubin bin Adnan diumumkan sebagai Pemain Terbaik.

Kejayaan tersebut mengembalikan Piala Rebutan ke pangkuan SM SMJA, yang juga merupakan juara edisi pertama pada tahun 2023, manakala, Maktab SOAS merupakan pemenang bagi edisi kedua pada tahun 2024.

Hadir menyaksikan perlawanan berkenaan ialah Pengetua SM SMJA, Dayang Hajah Nor Aisah binti Haji Mohammad Salleh; Pengetua Maktab SOAS, Dayang Sinasuria binti Haji Ibrahim; serta tenaga-tenaga pengajar dan penuntut-penuntut dari kedua-dua sekolah.





ePaper Pelita Brunei



BERANGKAT KE ATHLETES' VILLAGE, PRINCESS NOURAL UNIVERSITY



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dijunjung bergambar ramai bersama ahli kontinjen negara.

RIYADH, ARAB SAUDI, Sabtu, 15 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji

Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC)

berkenan berangkat ke Athletes' Village, Princess Noural University bagi sesi perjumpaan bersama pasukan lawan pedang negara ke Sukan Perpaduan Islam Ke-6,

Oleh : Srinarawie Bidzah

Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Perpaduan Islam Ke-6

2025 (6th Islamic Solidarity Games - ISG 2025) yang berlangsung bermula pada 7 hingga 21 November 2025 di Riyadh, Arab Saudi, baru-baru ini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dijunjung oleh Chef de Mission Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD), Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan beramah mesra dan mengurniakan sabda nasihat kepada atlet-atlet Sukan Lawan Pedang negara.

DYTM kemudian berkenan bergambar ramai bersama kontinjen negara dan kemudian menandatangani lembaran

kenangan *wall of fame* di Athletes' Village, Princess Noural University.

Pasukan lawan pedang negara telah tiba di Riyadh, Arab Saudi pada jam 10.15 malam waktu tempatan pada 13 November 2025, terdiri daripada dua atlet, iaitu 1591 Lt. (U) Hajah Anis Sabrina binti Haji Yahya; dan Awang Mohammad Haziq bin Asahrin serta seorang jurulatih, Awang Rayendra Yoshea Poerawinata.

Kedua-dua atlet berkenaan akan bertanding masing-masing dalam acara Women's Individual Sabre dan Men's Individual Sabre.

Pada Sukan Perpaduan Islam kali ini, NBD menyertai sebanyak tiga acara sukan, iaitu Lawan Pedang, Karate dan Angkat Berat.

Memperkasa kegiatan MPK Lumut II



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada acara berkenaan dan seterusnya menyertai acara berjalan kaki bersempena Pesta Pantai Lumut 2025.

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

LUMUT, Ahad, 16 November. - Bersempena Pesta Pantai Lumut 2025 anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lumut II dengan kerjasama MPK Lumut I, MPK Sungai Liang, MPK Perumahan Negara Lumut Kawasan 1, Kawasan 2, dan Kawasan 3 yang berlangsung selama tiga hari di

Pantai Peranginan Lumut sejak 14 November 2025 lepas, hari ini diadakan Aktiviti Berjalan Kaki di sekitar pantai berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis pada acara berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat

Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, juga Penghulu Mukim Bukit Sawat, Daerah Belait; dan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, juga Ketua

Kampung Bukit Sawat, Daerah Belait; Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Muhammad Faiq bin Haji Rani; Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dari seluruh Daerah Belait, serta Ahli MPK.

Acara dimulakan dengan sesi senamrobik, diikuti dengan acara berjalan kaki sejauh empat kilometer yang bermula dan berakhir di Pantai Peranginan

Lumut yang turut disertai oleh tetamu kehormat majlis.

Acara kemudiannya turut dimeriahkan dengan persembahan Mini Tatu oleh Pasukan Sarunai dan Tambur Batalion Ketiga Tentera Darat Diraja Brunei, diikuti dengan persembahan daripada Kelab Mukun Selindang Sutera.

Tetamu kehormat majlis juga dibawa melawat ke kawasan perkhemahan dan gerai jualan yang diadakan bersempena pesta pantai berkenaan.

Antara lain tujuan acara berkenaan diadakan adalah bagi memperkasa kegiatan MPK Lumut II dan pada masa yang sama membantu memeriahkan lagi suasana kampung dengan pelbagai permainan, aktiviti dan persembahan yang menarik.

Selain itu, ia juga dihasrat dapat menghiburkan para penduduk sekitarnya dan orang yang datang dari luar kampung untuk meluangkan masa dengan rakan dan keluarga sambil menikmati pemandangan pantai yang menenangkan.

Sepanjang tiga hari pesta pantai berkenaan diadakan, aktiviti berkhemah yang diadakan turut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai termasuk dari Sabah dan Sarawak.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MEMANDULAH DENGAN PENUH HEMAH, SENTIASA PEKA MENJAGA KESELAMATAN DI JALAN RAYA